



9 OKTOBER, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

TEGAHAN MELIBATKAN DIRI DALAM PARTI POLITIK: AMALAN BIASA MANA-MANA NEGARA UNTUK MENJAMIN KEMANTAPAN PERKHIDMATAN KERAJAAN

Baru-baru ini Kerajaan telah mengingatkan pegawai-pegawai dan kakitangannya bahawa mereka adalah ditegah menjadi ahli sebarang parti politik. Ingatan tersebut terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri yang menyebutkan bahawa sejak tahun

1956 penglibatan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dalam mana-mana parti atau pertubuhan politik adalah tidak dibenarkan. Dan pengertian penglibatan adalah meliputi menjadi ahli biasa, bertugas dalam jawatankuasa kecil daripada sebarang parti atau persatuan politik, daripada mengambil bahagian dalam perarakan-perarakan, perjumpaan-perjumpaan dan penunjukan-penunjukan perasaan, daripada membuat syarahan-syarahan, melaksanakan kemasukan ahli-ahli atau menyelenggarakan pungutan yuran-yuran atau derma-derma, dan daripada menolong dari sebarang jalan secara rahsia atau terang dalam melaksanakan lebih lagi tujuan dan maksud-maksud daripada sebarang persatuan tersebut.

Peringatan tersebut dikeluarkan adalah selaras dengan peraturan-peraturan pegawai Kerajaan yang menghendaki semua masa keseluruhan pegawai akan tertakluk di bawah kawalan Kerajaan; seseorang pegawai atau kakitangan tidak boleh berkelakuan dengan secara yang boleh mendatangkan kepentingan-kepentingan dirinya berlawanan dengan kewajiban-kewajiban awamnya atau kelakuan-mungkin menyebabkan timbul sangkaan di hati orang ramai yang dia telah membiarkan dirinya berlawanan dengan kewajiban-kewajiban awamnya dan dengan itu meniadakan faedahnya sebagai seorang pegawai Kerajaan atau telah menggunakan kedudukannya dalam perkhidmatannya untuk faedah dirinya

sendiri.

Kenyataan yang terkandung itu tidak sepatutnya memeranjatkan dan tidak sepatutnya juga disalahertikan. Sesungguhnya tegahan daripada menyertai dan menganggotai sesebuah parti politik adalah menjadi amalan dalam mana-mana negara dengan tujuan supaya perkhidmatan dalam Kerajaan tidak dicampuradukkan dengan kepentingan-kepentingan lain yang bertentangan sehingga boleh menjejaskan prestasi Kerajaan pada keseluruhannya. Ini adalah penting dan kerana kepentingan itu kebanyakan kerajaan di mana-mana negara mengambil langkah yang bertujuan untuk menentukan dan mengawal penglibatan pegawai-pegawai dan kakitangannya dalam parti-parti atau pergerakan politik. Sebahagiannya ada yang memberi kelonggaran dengan menghadkan tegahan itu kepada lingkungan tertentu sahaja. Ada pula negara yang terus mengatakannya sehingga tegahan itu meliputi kesemua pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatannya.

Bagaimanapun adalah dipercayai tegahan yang dibuat itu sebagaimana juga di negara-negara lain tidaklah bertujuan untuk mengenepikan hak politik rakyat termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan. Sungguhpun suasana dalam negara kita tidak dihangatkan oleh politik kepartian yang mana kita setakat ini bersyukur tidak mengalaminya namun dalam suasana sedemikian rakyat pada

umumnya tetap berpeluang mengikuti perkara-perkara yang bercorak politik dan seterusnya memahami isu-isu politik di dalam dan di luar negeri. Hal ini patut diperhitungkan sebagai sebahagian amalan yang sangat cocok dengan keperluan serta suasana setempat. Menurusnyalah rakyat dapat membentuk sikap yang positif terhadap keselamatan negara dan kesejahteraan mereka dengan tidak menyukai sebarang anasir yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan itu.

Maka kerana itu kita percaya orang ramai dapat memahami maksud baik Kerajaan menegah pegawai dan kakitangannya termasuk anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan ahli-ahli berpakaian seragam dalam perkhidmatan Kerajaan daripada melibatkan diri dengan mana-mana parti politik. Orang ramai juga tentu memahami kepentingan memelihara kemantapan Kerajaan dan negara daripada terjejas oleh sebarang unsur khasnya yang bersifat politik yang belum tentu dapat menjamin kemantapan negara dan Kerajaan secara berterusan. Bagi tujuan itu kita sebenarnya memerlukan ketegasan sikap dengan memberi perhatian yang berat kepada perkara-perkara yang lebih utama dan dengan teliti memilih jalan-jalan serta huraian ke arah memastikan bahawa kemerdekaan negara tidak sepatutnya akan menjadi punca perpecahan di kalangan rakyat.

MARKAS LATIHAN DARAT ABDB DIRASMI

PENANJONG. — Pegawai Pemerintah ABDB, Dato Paduka Seri J.P.W. Friedberger telah merasmikan Markas Latihan Darat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada pagi Selasa, 1 Oktober lepas.

Pegawai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigedier Jeneral Dato Paduka Seri J.P.W. Friedberger dalam ucapan perasmian berkata Pengarah Latihan Darat antara lain akan bertanggungjawab mengendalikan latihan taktikal bagi unit-unit darat ABDB iaitu Infantry, Skuadron Kereta Perisai Peninjau, Bateri Pertahanan Udara, Skuadron Jurutera

Oleh Abd. Karim HAB

Tempur dan Skuadron Tempur Khas.

Katanya, Pengarah Latihan Darat adalah juga Pemerintah Penanjong Garrison.

Menurut jurucakap Markas Latihan Darat, persiapan untuk penubuhan markas itu bermula pada bulan Januari 1984 di bawah arahan Pegawai Turus 2 Gerakan dan Latihan, Mejar Haji Mahmud bin Haji Yaakub sehingga ditubuhkan secara rasmi.

Pengarah Latihan Darat akan dibantu oleh tiga orang

pegawai turus dan beberapa pegawai pelbagai peringkat untuk mengendalikan tugas-tugas yang diamanahkan.

Majlis perasmian pagi itu bermula dengan ketibaan Pegawai Pemerintah ABDB Brigedier Jeneral Dato Paduka Seri J.P.W. Friedberger yang dialu-alukan oleh Pengarah Latihan Darat, Markas Latihan Darat, Yang Dimulikan Kolonel Pehin Datu Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Husin bin Ahmad. Seterusnya diberikan hormat Panglima. Pegawai Pemerintah ABDB kemudian memeriksa kawalan kehormatan terdiri dari sembilan orang anggota ABDB.



YDM Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Awang Badaruddin, Pengarah Penerangan ketika beramah mesra dengan pegawai dan kakitangan kerajaan di Daerah Bala. —

Perjumpaan Penerangan dgn pegawai K'jaan di K.B.

KUALA BELAIT. — Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah mengadakan satu majlis perjumpaan dengan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan di daerah ini pada

hari Sabtu 5 Oktober yang lalu.

Majlis pada pagi itu dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Awang Busu bin Ahmad, Penolong

Pegawai Penerangan. Ini kemudiannya diikuti dengan ceramah yang bertajuk Susunan Pemerintahan dan Pentadbiran Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Awang Haji Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Haji Mohd. Safar, Pegawai Penerangan.

Pada peserta kemudiannya berpeluang beramah mesra dengan Pengarah Penerangan, Yang Dimulikan Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman. Di samping beramah mesra, soal jawab antara peserta dengan Yang Dimulikan Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Awang Badaruddin juga diadakan.

Adalah difahamkan bahawa majlis tersebut diadakan oleh Jabatan Penerangan semata-mata bertujuan untuk memberikan pemahaman yang betul mengenai pemerintahan Negara Brunei Darussalam dan ianya diadakan dua bulan sekali.

Majlis tersebut juga telah diadakan di Daerah Tutong pada 27 Julai yang lalu.



YANG Dimulikan Pehin Datu Harimau Padang bersalaman dengan Pegawai Pemerintah yang baru sejurus selepas menandatangani pertukaran jawatan. — Gambar oleh Ak Bahar PHO.



PEGAWAI Pemerintah ABDB, Brigedier Jeneral Dato Paduka Seri J.P.W. Friedberger menanyakan sesuatu kepada seorang anggota barisan kawalan kehormatan. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

PERKHEMAHAN TUGA. — Satu upacara penyerahan tugas oleh Pegawai Pemerintah Batalion Kedua, Yang Dimulikan Pehin Datu Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Husin bin Ahmad kepada Pegawai Pemerintah yang baru, Pemangku Lt Kolonel Awang Haji Md Jaafar bin Haji Abdul Aziz, telah berlangsung di perkhemahan tersebut minggu lepas.

Dengan pertukaran itu, Yang Dimulikan Pehin Datu

Penyerahan tugas

Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Husin, seterusnya menandatangani sebagai Pengarah Tentara Darat. Yang Dimulikan Pehin menandatangani sebagai Pegawai Pemerintah Batalion Kedua selama tiga tahun 10 bulan.

Terdahulu sebelum upacara bermula, satu perbarisan telah diadakan di padang perkhemahan di mana Yang Dimulikan Pehin

telah memeriksa perbarisan itu yang terdiri dari pegawai dan kakitangan Batalion Kedua.

Kemudian Yang Dimulikan Pehin diarak keluar daripada perkhemahan dan seterusnya menandatangani peralihan jawatan dengan Pegawai Pemerintah yang baru, Pemangku Lt Kolonel Awang Haji Md Jaafar bin Haji Abdul Aziz.

KURSUS HND DAN BTEC AKAN DIKENALKAN DISINI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat-pusat pengajian tinggi Negara Brunei Darussalam tidak lama lagi akan memulakan berbagai pengajian peringkat diploma termasuk Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND).

Inisiatif terbaru ini adalah merupakan langkah-langkah

penerusan setelah penubuhan Universiti Brunei Darussalam berjaya diwujudkan dan akan mula berfungsi pada 28 Oktober ini apabila majlis memulakan kursus dan orientasi universiti itu dimulakan pada tarikh tersebut.

Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan

Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika berucap di majlis penyampaian sijil-sijil dan hadiah-hadiah sempena Minggu Kesihatan Kebangsaan 1985 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, hari Sabtu lepas telah menekankan hasrat untuk mempelbagaikan bidang ilmu pengetahuan untuk dinikmati oleh rakyat negara ini.

"Proses pada mempertingkatkan lagi taraf pengajian di dalam negara kita sendiri adalah sebahagian daripada priority di Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, di samping tidak melupakan unsur-unsur kawalan kesihatan di seluruh negara," tegas Yang Dimuliakan Pehin.

Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan itu menegaskan bahawa dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, maka kursus-kursus akan dapat dimulakan di institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini pada peringkat Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dan

kursus-kursus B.T.E.C. dalam berbagai ilmu pengetahuan.

TIDAK LAGI KELUAR NEGERI

Sehubungan dengan ini, Yang Dimuliakan Pehin menjelaskan bahawa dasar penghantaran pelajar-pelajar keluar negeri, tidak lagi akan diteruskan dalam bidang-bidang atau mata-mata pelajaran yang terdapat di dalam negeri.

"Pelajar-pelajar dermasiswa yang dihantar keluar negeri hanyalah bagi mendapatkan kelulusan-kelulusan yang tidak terdapat di Brunei Darussalam sendiri," tegas Yang Dimuliakan Pehin.



PENGURUS Restoran Wisma, Pg Othman bin Pg Anak Hashim, menerima sijil penghargaan daripada Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan. — Gambar oleh Pg Haji Yaakub.

Pameran Kebersihan Makanan

BERAKAS. — Dalam Minggu Kesihatan Kebangsaan 1985, Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan telah mengadakan Pameran Kebersihan Makanan selama kira-kira tiga hari bermula 5 Oktober lepas di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Di pameran tersebut antara lain telah mempamerkan cara yang bersih bagi menyimpan, memasak dan menghidangkan makanan juga mempamerkan kesan-kesan dari kurangnya penjagaan dalam makanan yang sering dilakukan oleh orang ramai yang mana merupakan penyebab utama timbulnya berbagai-bagai penyakit.

Pameran yang bertemakan 'Makanlah Makanan Yang Bersih' pada hari tersebut

juga telah mempamerkan poster-poster yang dipertandingkan sempena Minggu Kesihatan Kebangsaan seperti poster hindarkan diri dari penagihan dadah dan lain-lain.

Antara yang hadir bagi menyaksikan Pameran Kebersihan Makanan pada hari tersebut, termasuklah Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.



PENGARAH Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Dr. Hj. Johar menyaksikan sebahagian daripada bahan makanan yang dipamerkan. Gambar oleh Ak. Bahar PHO.

BERKURSUS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Ya'akup bin Haji Mohammad Yassin, Pegawai Penyelidik, Pejabat Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, pada hari Khamis telah berlepas ke Kaherah, Mesir, bagi mengikuti kursus Penyelidikan Epigrafi dan Takapan. Beliau akan berada di sana selama enam bulan dan semua kursus tersebut akan diadakan di Zamalik, Kaherah.

Awang Ya'akup merupakan pegawai Kerajaan yang pertama mengikuti kursus penempatan di Mesir. Semasa berada di sana beliau juga dirangankan ditempatkan di beberapa buah muzium yang tertua di Mesir, di antaranya 'Pyramid' yang merupakan salah sebuah kesan sejarah yang teragung di dunia.

Manakala Awang Haji Abd. Latif bin Haji Ibrahim, Pemangku Timbalan Pengetua Pusat Sejarah Brunei, telah pulang ke tanahair setelah mengikuti kursus selama setahun di Universiti Cambridge, England.



AWANG Yaakub

KERAJAAN SENTIASA KAWAL BAHAN MAKANAN

BERAKAS. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil berat

Oleh Ahat Ismail

mengenai pengawalan bahan makanan yang halal dan tidak halal untuk diketahui oleh orang ramai, terutamanya penganut-penganut agama Islam.

Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyatakan bahawa makanan yang bersih dan halal mempunyai hubungan kepada keinginan untuk memastikan keseimbangan perkembangan dan pembangunan negara di mana peranan ke arah perkembangan sedemikian bukan setakat memerlukan tenaga manusia yang sihat, cerdas, tetapi juga mereka yang mempunyai perwatakan jujur dan amanah sesuai dengan tuntutan agama Islam.

Berucap di Majlis Penyampaian Hadiah-hadiah dan Sijil-sijil sempena Minggu Kesihatan Kebangsaan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini, Yang Dimuliakan Pehin selanjutnya menyatakan, "Makanan yang tidak halal mempunyai kesan kepada pembentukan peribadi kejujuran dan amanah seseorang dan kepada pendirian atau pembawaan hidup."

"Dengan demikian, tidaklah sepatutnya bahan-

bahan makanan yang telah kita tahu sebagai tidak halal masih menjadi hidangan kepada individu, kepada keluarga atau kepada masyarakat Islam di negara ini."

Yang Dimuliakan Pehin seterusnya berkata bahawa keseluruhan kita di negara yang kecil ini tidak dapat membazirkan setiap tenaga kerana jumlah penduduk yang kecil bilangannya.

"Oleh itu, setiap usaha hendaklah dilakukan oleh semua orang bagi menjamin bahawa kecerdasan, kesihatan, pembentukan peribadi dan pembawaan tidak akan terbiar, hanya kerana makanan yang tidak bersih dan yang tidak halal," tambah Yang Dimuliakan Pehin.

Terdahulu dari itu Yang Dimuliakan Pehin berkata, setiap orang mempunyai bahagian, peranan serta tanggungjawab ke atas perkembangan dan pembangunan masyarakat dan negara.

Katanya, peranan yang sedemikian itu bergantung kepada keadaan kesihatan seseorang, di mana hubungannya dengan setiap individu, setiap rumah tangga serta setiap kelompok masyarakat dengan amalan mengelakkan dari memakan makanan yang tidak bersih dan tidak halal.

Pengangkutan Darat pilih wakil

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Baidi bin Awang Damir dan Dk. Aimon binti Pengiran Haji Ali akan mewakili Jabatan Pengangkutan Darat ke Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran antara Jabatan-jabatan dalam Kementerian Perhubungan.

Kedua-dua mereka muncul sebagai juara Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran peringkat Jabatan Pengangkutan Darat yang berlangsung di jabatan tersebut. Pertandingan tersebut juga diselenggarakan dengan majlis doa selamat bagi pegawai-pegawai jabatan itu yang telah menunaikan fardu haji.

Tempat kedua disandang oleh Haji Zunaidi bin Hamdan dan ketiga Ak. Musa bin Pg. Haji Tahir. Manakala tempat kedua bahagian qariah ialah Dk. Noraini binti

Pg. Haji Jeludin. Hadiah-hadiah disampaikan oleh Pemangku

Pengawal Pengangkutan Darat, Awang Haji Kassim bin Haji Johan.



AWANG Baidi bin Damir menerima hadiah daripada Pemangku Pengawal Pengangkutan Darat, Awang Haji Kassim bin Haji Johan. — Gambar oleh Ak. Bahar PHO.

MESYUARAT AGUNG KHAS SKKKB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mesyuarat Agung Khas bagi Syarikat Kerjasama Kakitangan Kerajaan Brunei akan diadakan pada hari Ahad 13 Oktober. Mesyuarat tersebut akan diadakan di Caferia Stadium Negara Hassanal Bolkiah mulai jam 9.15 pagi.

Dua isu penting akan dibincangkan dalam mesyuarat

tersebut iaitu menjual bangunan kedai dan menutup perkhidmatan cawangan kedai.

Ahli-ahli Syarikat Kerjasama tersebut adalah dikehendaki hadir ke mesyuarat tersebut untuk membolehkan kedua-dua perkara tersebut dibincangkan dan diputuskan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-297

PUAK BATINIYYAH

Siri ke-24



Ulama Islam telah menghukumkan kufur orang-orang Batiniyyah yang telah saya sebutkan darihal ikhtikad mereka dan kufur mereka dan keluar mereka dari ajaran dan agama Islam dalam bahasan saya ini seperti Al-Imam Al-Ghazali, Al-Khadi Abdul-Jabbar Al-Mu'tazili, Ad-Dailami dan Al-Mahalli Al-Yamani Az-Zaidiyyain, Al-Hammadi Al-Yamani dari Ahlis-Sunnah Wal-Jemaah, Al-Imam Abu Al-Muzaffar Al-Asfarayini dalam At-Tabisru Fid-din, Al-Imam Abdul-Qahiri Al-Baghdadi yang mati tahun 429 Hijrah, dalam Al-Farqy Baina-Firag kedua-duanya pemimpin besar dari kalangan Ahlis-Sunnah Wal-Jemaah, tuan guru kita Al-Allamatu Bahruz-Zakharu Asy-Sheikh Muhammad Zahid Al-Kauthari dalam pendahuluan di atas kitab-kitab Tauhid yang diarsikan oleh anak muridnya Al-Ustadz Azzatul-'Attarul Husaini, dan Al-'Allamah Mufti Kerajaan Johor Dato Syed 'Alawi bin Tahir Al-Haddad yang mati tahun 1382 Hijrah dalam kumpulan fatwanya dan lain-lain tulisannya dalam majalah Warta UGAMA Johor dan lain-lain ulama setengah-tengahnya saya sebutkan dalam bahasan ini telah menghukumkan kufur puak Batiniyyah, kerana mereka bekerja mengacau dan merubuhkan hukum-hukum Islam bagaimana telah lalu bicaranya begitu juga orang-orang yang merubuhkan dasar-dasar Islam hukumnya kufur seperti orang Batiniyyah.

Ulama Islam yang mengkaji aqid puak-puak dalam Islam dan puak-puak yang mengaku beragama Islam padahal mereka bukan beragama Islam atau mereka memang tiada ada dalam Islam hanya pada mulut dan pengakuan mereka sahaja yang dinamakan dalam Bahasa Arab atau dalam istilah ulama Tauhid "Ilmul Milali Wan-Nihal", telah menghitung mana puak yang ada dalam agama Islam, dan mana puak yang ada di luar Islam dan mengaku ada dalam Islam. Mana puak-puak yang mengaku Islam padahal mereka bekerja merubuhkan dasar-dasar Islam dan hukum Islam dan mengubah mana-mana satu hukum halal dijadikan haram, dan mana-mana satu hukum haram dijadikan mereka halal, telah tersebut dalam kitab-kitab ulama itu seperti dalam kitab At-Tabisru Fid-Din dan Al-Farqy Baina-Firag dan seumpamanya. Maka penuntut-penuntut ilmu Tauhid dan Ilmu Aqid dengan mudah dapat menghukumkan mana-mana orang yang beriktikad lain dari aqid Islam, atau mana-mana orang yang bekerja merubuhkan dan mengubah perkara halal dan haram yang sabit dengan Ilmu Dharuri, adalah ia keluar dari Islam dan menjadi murtad. Saya tiadalah hendak membawa nama-nama ulama yang menghukumkan kufur puak Batiniyyah dan ajaran salah dan sesat satu persatunya kerana banyak bilangan mereka dan kerana di hadapan kita ada kaedah

telah dibuat oleh ulama bagi mengetahui sempadan Islam dan sempadan kufur, sebagaimana saya telah sebutkan dahulu dari ini.

1. Barangsiapa berkata: Apabila ia sampai pada suatu keadaan atau apabila ia beribadat berzikir sekian lama dan sekian banyak maka ia telah terlepas dan bebas dari hukum-hukum Allah seperti bebas dari sembahyang, atau dari puasa, atau dari haji, dan lain, atau bebas boleh membuat larangan Allah seperti halal minum arak atau halal berzina atau halal mencuri, atau halal rasuah, atau halal berbuat bohong, maka orang yang berkata bahawa dia sudah bebas dari tanggungjawab hukum-hukum Allah adalah ia menjadi orang kafir menurut kaedah itu kerana ia mendustakan dan menolak hukum-hukum Allah itu.

2. Barangsiapa menghapuskan atau membolehkan ada kerasulan atau kenabian seseorang makhluk setelah atau kemudian daripada dibangkitkan Nabi kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah ia kafir, dari itu barangsiapa berkata: Dia sudah jadi Yesus atau Nabi Isa bagi kaum Kristian adalah ia kafir dan murtad, kerana telah membolehkan ada Rasul lepas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam seperti Qadiyani, Bahaei, Bahai, Taslim dan lain-lain orang yang mengaku hendak jadi Nabi atau bercita-cita atau berangan-angan hendak jadi Nabi dan Rasul. Bagaimana kaedah yang telah lalu dan kerana menolak dan mendustakan hadis mutawatir La Nabiyu Ba'di dan menolak ijma ulama.

3. Barangsiapa membatalkan wirid-wirid sembahyang sama wirid yang ada dalam sembahyang dan wirid-wirid yang ada lepas sembahyang fardu itu, adalah ia menjadi kafir dan murtad, kerana wirid-wirid sembahyang itu telah sabit adanya dengan ilmu dharuri (dengan pengetahuan yang tiada boleh ditolak atau disangkal) kerana sekalian orang Islam dari zaman sahabat-sahabat radhiyallahu anhum telah mengetahui dengan yakin telah mendengar dan melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam membaca dan mengajar wirid-wirid sembahyang itu kepada sahabat-sahabat, dan sahabat-sahabat itu mengajar wirid-wirid itu akan orang-orang Islam dari lapisan ke lapisan, dan tiap-tiap lapisan mengandungi bilangan orang yang banyak, hingga turun ke zaman kita ini, maka menurut kaedah ini, maka orang yang berkata tiada ada wirid sembahyang atau cuba hendak membuang wirid-wirid sembahyang itu, adalah terang-terang menjadi kafir, kerana wirid-wirid itu telah sabit adanya dalam Islam dan sabit sunat hukumnya dalam agama dengan terang dan nyata diketahui oleh sekalian orang Islam, kerana perkara yang sabit

adanya dalam Islam dinamakan oleh ulama Islam Dharuriyyat-Din, dan orang yang berkata tiada ada wirid-wirid sembahyang itu, adalah terang-terang ia mendustakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan mendustakan Rasulullah, adalah menjadi kafir menurut kaedah lain pula bagaimana di atas ini dan hukum-hukum Islam apabila telah sabit adanya dalam agama Islam, tetaplah ia berjalan sehingga hari kiamat, tiada dapat dibatalkan atau dimansuhkan orang dengan sesuka hati dan mulutnya dan syara' Islam tiada membatalkan wirid-wirid itu maka berjalanlah ia sehingga hari kiamat.

4. Barangsiapa membatalkan atau memansuhkan jihad, bagaimana yang ada dalam Islam itu adalah ia kafir dan murtad dan keluar dari agama Islam, kerana jihad telah sabit adanya dalam Islam menurut banyak ayat Al-Quran dan hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam seperti firman Allah Ta'ala dalam Surah As-Saf ayat 10 dan 11 yang bermaksud:

"Mahukam kamu Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab siksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, serta kamu berjuang dalam membela dan menegakkan agama Allah dengan harta-benda dan diri kamu."

Dalam ayat ini Allah menyuruh umat Islam berjihad dengan nyawa dan harta benda pada sabilillah.

Seperti dalam hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim dengan berbagai-bagai lafaz yang bermaksud:

Aku diperintahkan untuk memerangi manusia, sehingga mereka itu mengakui bahawa tidak ada Tuhan selain daripada Allah dan bahawa Muhammad itu adalah pesuruh Allah. Dan (seinggalah) mereka mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat.

Sahabat-sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lepas baginda Rasulullah, berjihad pada zaman Sayidina Abu Bakar dan zaman Sayidina Umar dan zaman Sayidina Osman dan zaman Sayidina Ali radhiyallahu anhum anjma'en.

Dan lepas zaman Al-Khulafaur-Rasyidin maka sahabat-sahabat radhiyallahu anhum seperti Sahabat Ibnu Umar dan lain-lain berjihad pada zaman Bani Umayyah.

Umat Islam berjihad pada zaman Bani Umayyah dan zaman Bani Abbas.

Umat Islam berjihad pada zaman raja-raja Islam.

Umat Islam berjihad pada zaman Kerajaan Bani Osman di Istanbul.

Pada zaman sekarang umat Islam berjihad melawan Sahyun Isreal di Palestin seperti orang-orang Palestin berjuang berjihad dengan

musuh-musuh mereka di Lebanon di Palestin, di Suria dan di Timur Jordan.

Orang Eriteria berjihad melawan penjajah Habshah.

Pejuang-pejuang Islam berjihad melawan komunis dan penjajah Moscow di Afghanistan.

Orang Islam di India berjihad melawan keganasan orang-orang Hindu.

Orang Islam Somalia berjihad melawan penjajah Habshah.

Orang Moro berjihad melawan musuh-musuh mereka yang merebut tanah-air mereka.

Oleh kerana ada dalil dari Quran dan hadis dan perbuatan sahabat-sahabat dan umat Islam sepanjang masa dan zaman mensyarakkan berjuang dan berjihad, maka Al-Allamah Ibnu Hazm dalam kitabnya: Maratibul-Ijma' berkata yang bermaksud: Ulama Islam telah itifaq dan ijma' dan sekata bahawa berjihad di bawah arahan raja-raja Islam, adalah suatu kelebihan dan fadhilat yang amat besar. Katanya lagi yang bermaksud: Ulama Islam dan umat Islam telah itifaq dan ijma' dan sekata bahawa menolak orang musyrik dan orang kafir dari negeri Islam, dari kampung-kampung Islam, dari benteng-benteng pertahanan Islam, dan anak isteri umat Islam, apabila mereka menyerang orang-orang Islam, adalah menjadi suatu fardu dan wajib di atas umat Islam yang bersifat merdeka, lagi baligh dan ada daya berjihad, bangun berjihad.

Dari apa yang tersebut di atas ini, maka nyatalah batil dan sesat dan kufur dan murtad orang-orang yang hendak membatalkan jihad dan membuang jihad daripada umat Islam seperti orang-orang Qadiyani dan orang-orang Bahaei, dan Ahmad Khan Aligrah India yang mulhid, yang melaung-laungkan diayah hendak membatalkan dan memansuhkan jihad umat Islam.

5. Barangsiapa beriktikad tanasukh atau bertukar-tukar rupa kejadian atau menjelma masuk dalam sesuatu tubuh manusia atau binatang atau lain adalah ia menjadi kafir dan keluar dari agama Islam dan murtad. Tanasukh atau bertukar-tukar rupa kejadian atau menjelma itu suatu asas agama Majusi dan puak-puak yang kafir, telah diikuti oleh Qadiyaniyah Ghulam Qadiyani dan pengikut-pengikutnya orang Qadiyani dan Ahmadiyyah dan seperti juga puak Batiniyyah seperti Taslim dan lain-lain semuanya berkata dengan tanasukh dan iktikadkan tanasukh itu ialah iktikad Majusi sedalam-dalamnya, dan kufur dengan terang.

Al-Allamah Asy-Syeikh Ibnu Hajar dalam Al-Ilamu Bi-qawail-Islam telah berkata dengan hal ia bersetuju dengan pendapat ulama-ulama Hanafi, Maliki dan Hambali: Barangsiapa menyangka Allah Ta'ala masuk

ke dalam tubuh seseorang atau lain-lain benda (Al-Hulul), maka dia telah kafir, dan seperti Al-Hulul itu iktikad dan berkata bahawa Allah Ta'ala bersatu dan bersekutu dengan makhluk (Al-Itihad).

Katanya: Orang yang menyangka Al-Hulul atau Al-Itihad atau seumpamanya seperti orang yang berkata dan beriktikad dengan tanasukh dan lain-lain daripada mereka daripada puak-puak yang tersebut dalam kitab Asy-Syifa karangan Al-Kadhi 'Iyyadh, dan lagi yang lain daripada mereka dan saya tinggalkan tiada menyebut nama mereka, kerana kufur mereka telah terang dari keterangan saya dalam kitab ini (Al-Ilam) tamat dengan ringkas.

FATWA

Al-Allamah Ibnu Hajar telah mengisytarkan perkara yang tersebut di atas, bahawa dia telah menaqqalkan akan-nya daripada kitab Ar-Raudhah karangan Al-Imam An-Nawawi yang terkenal itu.

Al-Allamah Ibnu Hajar pada suatu tempat lain telah berkata: Jika seorang berkata kepada seorang: Pulan itu telah mati dan dia serahkan rohnyanya kepada tuannya, dengan tujuan bagaimana iktikad puak Tanasukh, maka ia telah kafir dengan iktikad Tanasukh itu tamat katanya.

Ketua Qadiyani berkata bahawa roh Nabi Isa dan sifat-sifatnya telah masuk dalam badan dan tubuhnya dan tanasukh dengannya.

Inilah ringkasan perkataan atau fatwa Al-Allamah Asy-Syed 'Alawi bin Tahir Al-Haddad Mufti Kerajaan Johor yang mati tahun 1382 Hijrah dalam kitabnya Anwarul Quranil Mahiyatu Lid-zulumati Mutanabbie Qadiyani tersebut dalam majalah Warta Jabatan Agama Johor bilangan 79, 80, 81 dan 82 Zulhijjah 1375 - Rabiul Awwal 1376.

6. Barangsiapa engkarkan hukum-hukum Islam dan meninggalkan sembahyang, puasa, zakat dan lain-lain perkara agama Islam, dengan iktikad tiada wajib sembahyang lima waktu tiada wajib zakat dan tiada wajib puasa, tiada wajib haji pergi ke Mekah, iktikad sembahyang setahun sekali, puasa tiga hari awal puasa, tengah dan akhir bulan puasa atau sembilan hari sahaja, iktikad boleh sembahyang dalam hati sahaja, tiada ikut cara sembahyang orang Islam, sembahyang ada niat ada berdiri, ada rukuk' dan ada sujud dan ada salam, ada bacaan Fatihah dan ayat Al-Quran, dan ada zikir-zikir yang tertentu, dan beriktikad ada nikah batin berwalikan Allah dan bersaksikan Muhammad, nikah yang ada berjalan sekarang di antara orang Islam sekarang adalah tiada sah, ada guru batin dan Islam tiada sah dengan tiada di hadapan guru-guru batin, dan syahadat dan Islam tiada sah jika tiada mengadap

khalifah Rasul dan erti khalifah Rasul ialah iktikad ada nabi lain setelah dibangkitkan Nabi Muhammad menjadi Nabi dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Iktikad ada berbagai-bagai tuhan disembah ikut iktikad dan suka hati sendiri lain daripada Allah Ta'ala, dan lain-lain iktikad yang direkakan oleh Subud, Bungkus, Taslim, ada Quran lain dari Quran yang ada pada umat Islam seperti karangan Taslim dan iktikad boleh pergi haji ke Sumatera dan ke Bayan Lepas atau ke Qadiyan atau Du'ka Palestin atau lain-lain tempat dengan tiada payah pergi ke Mekah Al-Mukarramah. Tariqat Nakssa bandiyah dipesungkan dijadikan tariqah boleh mengerjakan kerja dan amal di luar dari Islam seperti tak payah pergi haji ke Mekah dan seperti berkata Nur Allah masuk dalam Nabi Muhammad dan lain-lain lagi perkara, padahal agama Islam suci dari perkara itu, tiada disyarakkan perkara itu.

Maka bahan-bahan ajaran puak-puak Taslim, Subud, Bungkus, Rohaniah, Tariqat Naksyabandiyah, yang dipesungkan, Ilmu Laduni, Bahaei, Qadiyaniyyah dan Ahmadiyyah semuanya diambil dari ajaran Batiniyyah dengan dipinda dan disesuaikan hal tempat tumbuh ajaran sesat dan batil dan salah itu, semuanya ajaran itu kufur dan murtad keluar dari agama Islam, dan puak yang bekerja hendak membuat agama baharu dan ajaran baharu lain dari ajaran Allah dan Rasul-Nya bin dari ajaran-ajaran iktikad-iktikad, adab-adab dan hukum-hukum yang berjalan dan diamalkan oleh umat Islam sekarang itu maka semuanya kufur dan murtad.

Berkata Al-Imam An-Nawawi dalam Syarah Muslim:

Berkata Al-Imam Al-Khattabi rahimahullah ketika ia mensyarakkan hadis yang bermaksud:

Dari Abi Hurairah, katanya: Manakala wafat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, dipililiah Abu Bakar Khalifah sesudahnya dan kufurilah orang-orang yang kufur daripada bangsa Arab.

Adalah orang Arab yang keluar dari agama Islam setelah baginda Rasulullah wafat dan Sayidina Abu Bakar memegang tampuk kerajaan umat Islam adalah dua puak: Satu puak ialah pengikut-pengikut Al-Mutanabbie Musailmatul-Karab yang mengaku menjadi Nabi daripada kabilah bani Hanifah dan lain-lain kabilah yang telah menyuar dakwaan Musailmatul-Karab yang telah mendakwa menjadi Nabi (di pantai

PENJUDI BERSIFAT BERDUSTA DAN TIDAK AMANAH



BERTAKWALAH tuhan ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Kita telah lama mendengar dan mengetahui tentang keburukan dan mudarat judi. Di kalangan orang ramai selalu diperbualkan tentang bahaya-bahaya judi terhadap

kehidupan seseorang, sama ada terhadap kerukunan rumahtangga mahupun dari segi perhubungannya dengan orang lain. Di samping itu orang-orang yang berjudi biasanya memiliki banyak sifat yang tidak baik seperti suka berdusta, pemarah, tidak amanah, mudah berutang, payah membayar dan sebagainya.

Dari segi kehidupan berkeluarga pula tidak ramai orang yang berjudi itu menikmati kesenangan dan kebahagiaan. Anak isteri di rumah terbiar dan tidak mendapat jagaan yang sempurna. Tidak kurang pula yang menanggung kehancuran dan keruntuhan rumahtangga disebabkan oleh berjudi dan akibatnya dapur di rumah tidak berasap.

Ada orang yang menceburkan diri ke lapangan judi kononnya untuk mencari ketenangan jiwa atau untuk menghilangkan kerisauan dan kesusahan hati. Kononnya dengan berjudi hati akan terhibur dan segala kesusahan akan dapat

dilupakan. Sebenarnya percubaan untuk menghilangkan kesusahan dan usaha untuk mendapatkan ketenangan jiwa melalui judi samalah seperti orang mengejar bayang-bayangnya sendiri, semakin cepat dikejar secepat itu pula ia lari.

Judi sama sekali tidak akan dapat mendatangkan ketenangan dalam diri seseorang kerana semakin berjudi akan bertambah pulalah penderitaan jiwa yang dialami dan semakin berjudi semakin banyak pulalah kerugian dan kekalahan yang dideritai bak kata orang seperti saudagar buluh kasap, hujung tak nampak pangkalnya lesap, untung tak dapat modalnya lesap.

Walaupun seterusnya dan sedalam itu pengetahuan kita tentang judi, bahaya-bahaya dan akibat-akibat buruknya tetapi nampaknya judi masih juga tetap ada, baik secara terbuka mahupun secara sembunyi-sembunyi. Ada di antaranya yang menjadikan judi itu sebagai pekerjaan atau mata pencarian tetap.

Dan ada pula yang menjadikannya sebagai satu hobi atau kegemaran sahaja yang diamlakan sekali-sekala atau kalau ada peluang. Atau ada setengahnya yang konon-konon pada peringkat awalnya bermain-main sahaja tanpa pertaruhan dengan wang seperti bermain paku secara berseronok-seronok. Tetapi sedarlah kita, kegemaran begini jika diasuh akan menjadi tabiat dan lama-lama menjangkit kepada perjudian yang sungguh-sungguh. Atau walaupun pada mulanya tidak menggunakan wang, tetapi apabila perbuatan itu boleh melalaikan kita selalainya, sehingga lupa dan tinggal waktu sembahyang, umpamanya, maka ia juga jatuh kepada haram dan berdosa besar.

Dalam Quran ada disebutkan bahawa keburukan judi itu adalah lebih besar dan dahsyat daripada kebajikannya. Apa yang disebutkan oleh Al-Quran ini sesungguhnya adalah benar, kerana judi walaupun sekali-sekala akan

membawa keuntungan tetapi lambat-laun pasti akan membawa keruntuhan dan kehancuran.

Di zaman negara kita sedang membangun seperti sekarang ini, tabiat suka berjudi dan sikap memandang ringan terhadap kesankesannya adalah amat merbahaya kerana ianya boleh mendatangkan kesan-kesan buruk kepada rancangan-rancangan pembangunan, menumbuhkan penyakit-penyakit masyarakat seperti jenayah, rasuah, keruntuhan rumahtangga dan akhlak dan pendidikan kanak-kanak juga mungkin terabai.

Oleh hal yang demikian, marilah sama-sama kita menyedari hal ini, di samping berusaha mendekatkan diri lagi kepada Allah mudah-mudahan dengan apa jua usaha dan pekerjaan kita akan diberkati-Nya, segala rezeki yang kita makan dan perolehi setiap masa dan ketika adalah hasil daripada pekerjaan kita yang halal yang direndai oleh Allah dan Rasul-Nya.

UMAT ISLAM DITUNTUT HORMATI HAK-HAK SESAMA MANUSIA

BAHAWA di dalam waktu dan zaman ini kita sedang berada dan berhadapan serta terdedah dengan berbagai-bagai masalah dan rupa bentuk perkara-perkara yang kita nampak dan rasai. Di mana kadang-kadang ianya mempengaruhi sebahagian dari sikap dan cara kehidupan kita sendiri seperti cara berfikir, pergaulan serta lain-lainnya. Semuanya ini sama ada kita sedari secara langsung mahupun tidak langsung. Ada yang kita nampak seseorang yang dulunya bersikap begini sekarang bersikap begitu pula. Bila ditanya mungkin jawabnya mengikut peredaran zaman atau "up to date". Masalahnya kalau perubahan itu suatu perubahan yang membawa kepada kebaikan dan kehidupan dirinya dan masyarakat, maka ianya amatlah bagus. Akan tetapi sebaliknya ada pula yang hanya terasa baik dan sedap pada dirinya sedangkan pada pandangan orang lain atau masyarakat tidak cukup dan sesuai, atau sumbang di dalam penglihatan umum. Atau lebih tegas ia berikap "syok sendiri". Apakah ini yang dinamakan sifat-sifat ingin berlumba-lumba mencari kesenangan dan kebahagiaan kehidupan? Di mana kita harus bersifat mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan hal orang lain.

Memikirkan hal orang lain bukanlah dimaksudkan "menjaga tepi kain orang". Kerana

sebagai anggota masyarakat manusia dewasa ini yang bukan satu kehidupan di zaman baru atau kehidupan seperti haiwan, kita manusia terutama selaku umat Islam adalah dituntut kepada menghormati hak-hak sesama manusia. Apakah kiranya satu perbuatan baik umpamanya membuang sampah di tepi jalan, membesarkan volume radio atau keset sehingga kedengaran jiran sekampung apa lagi jiran-jiran yang berdekatan, walaupun radio dan keset kita sendiri yang punya dan dimainkan di rumah kita sendiri padahal bunyinya tidaklah terbatas di dalam rumah kita itu dan lain-lain perkara yang seumpamanya yang dianggap sendiri yang berkuasa dan berhak sendiri, di mana tidak memikirkan bahawa segala perbuatan tersebut adalah membawa masalah dan gangguan kepada orang lain, hal begini menunjukkan sikap yang tidak mempunyai timbang rasa dan berfikir luas.

Apakah kita berfikir segala perkara yang kita perbuat dan usahakan dengan harta benda kita sendiri itu kita boleh sesuka hati sahaja di dalam membuat sesuatu, di mana kita tidak memikirkan ianya sedikit sebanyak melibatkan orang lain, kadang-kadang tidak memperdulikan undang-undang negara. Islam tidak melarang umat-

nya memiliki harta yang banyak atas usaha mereka sendiri. Akan tetapi tidak bermakna dengan harta kekayaan tersebut ianya telah menjadikan seorang manusia yang sombong dan pandai berlagak, dan dapat membuat suka hatinya, umpamanya khusus di negara kita Brunei Darussalam ini seperti di kampung-kampung di mana pembangunan rumah ada yang tidak memikirkan keadaan jiran-jiran yang dekat, ada yang tanpa kebenaran undang-undang pula, asalkan rumahnya besar dan cantik tanpa berfikir apakah pembangunan rumahnya itu menghalang atau menutup pandangan dan keselesaan jiran berhampiran seperti di Kampong Ayer dan di kampung-kampung yang seumpamanya.

Begitu pula dengan lain-lain perkara di mana apa yang dikatakan ada duit semua boleh buat. Tetapi tahukah kita yang Allah telah menegakkan mengenai pemilik harta tersebut seperti

firman-Nya di dalam Al-Quran surah Al-Qashash ayat 77 yang kira-kira bermaksud: "Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan oleh Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat, dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalannya) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerusakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerusakan."

Maka itu apakah pembicaraan ini boleh dianggap dan dapat dimasukkan ke dalam kategori menjaga tepi kain orang tadi, di mana kita membicarakan suatu yang berkebalikan pada membaiki suatu yang buruk kepada yang baik dan bersih, suatu yang mungkar kepada yang hak dan benar, bukanlah satu pembicaraan tentang ke-

jahatan dan rahsia orang lain. Jika kita percaya jalan yang kita lalui ini benar demi beradakah untuk menegakkan Islam mengapa kita harus takut berpedan dengan kenyataan sedangkan ianya suatu perkara yang disuruh dan dituntut di dalam Islam. Di mana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda di dalam satu riwayat oleh Imam Muslim daripada Thariq bin Sijlab dalam sepotong hadis antaranya berbunyi: "Barangsiapa dari kamu melihat satu kemungkaran, wajiblah ia merobahnya dengan tangannya, jika ia tidak kuasa, maka dengan lidahnya, jika ia tidak kuasa juga, maka dengan hatinya; dan tindakan yang terakhir ini menunjukkan iman yang lemah-lemahnya."

Dari itu sejauh mana hal dalam menegakkan yang hak dan menegakkan yang mungkar ini telah kita perbuat, apakah perkara yang besar-besar dan nampak jelas sahaja kita ambil tindakan padahal perkara-perkara yang kita anggap kecil itu adalah perlu juga

Menuju keredaan Allah

kita ambil kira, kerana dari kecilah akan menjadi besar, bukankah sebiju bisul akan menjadi barah yang boleh membunuh, dan mencegah itu lebih baik dari mengubatnya. Lalu di dalam menuju keredaan Allah ini mudah-mudahan umat Islam terutama di negara kita Brunei Darussalam dalam sebuah negara yang terkenal sebagai sebuah negara Islam, kita akan terhindar daripada perkara-perkara yang sedemikian. Kerana tidak akan tegak Islam dan kukuh negara kita tanpa kita sendiri selaku rakyat yang sejati yang mencintai agama, raja, bangsa dan negaranya sendiri yang menegakkan bukan berharap kepada orang lain kerana kita adalah lebih berhak terhadap tanahair kita sendiri. Semoga Allah jua akan memberikan rahmat-Nya.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 9 Oktober, 1985 hingga ke hari Selasa 15 Oktober, 1985 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BUATAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Oktober												
9-10	12.14	3.31	3.32	6.43	6.14	7.29	7.30	4.48	4.34	4.49	6.05	6.06
11-15	12.13	3.29	3.30	6.11	6.12	7.27	7.28	4.48	4.34	4.49	6.05	6.06

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Dari muka 4
pantai timur Negeri Sa'udi dan pengikut-pengikut Al-Awladul-Ansi dan orang-orang yang menyahut dakwaannya daripada orang-orang Yaman dan lain-lain orang (di Negeri Yaman), maka puak Al-Awladul-Ansi itu engkarkan kenabian Nabi Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan mendakwa ada nabi lain daripada Nabi Muhammad,

maka khalifah Sayidina Abu Bakar radhiallahu anhu bangun memerangi mereka sehingga terbunuh Musailamatul-Kazab itu di tempat Yamamah (di pantai-pantai timur Negeri Sa'udi) dan terbunuh Al-Ansi di Yaman, dan berpecah-belah pengikut-pengikut mereka dan terbunuh kebanyakannya mereka.

WALLAHUAKLAM.
(Bersambung)

KOMPLEKS PENDARATAN IKAN DIBINA

SERASA. — Sebuah Kompleks Pendaratan Ikan bagi kawasan Daerah Brunei dan Muara kini sedang dalam proses pembinaan di Serasa dan dijangka siap pada penghujung tahun depan.

Bersempena dengan pembinaan projek tersebut, satu majlis meletakkan batu asas telah dilakukan ke atas projek itu oleh Setiausaha Tetap Pentadbiran Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup, di sini Rabu lepas.

Projek pembinaan kompleks berkenaan menelan belanja sejumlah 4.7 juta ringgit dan dibina di atas tanah seluas kira-kira lima ekar.

Pengarah Perikanan, Awang Mat Danan bin Haji Jaafar, dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa kompleks tersebut merupakan satu projek kemajuan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Katanya, apabila kompleks itu siap ianya akan mempunyai satu jeti bagi bot-bot besar dan satu jeti bagi bot-bot kecil.

"Dengan adanya jeti-jeti ini dapatlah bot-bot menangkap ikan yang dilesenkan di negara ini menggunakannya untuk mendaratkan ikan-ikan tangkapan mereka," ujarnya.

Pengarah Perikanan itu memberitahu bahawa pada masa ini belum ada terdapat tempat yang tertentu di Daerah Brunei dan Muara

yang dikhaskan untuk tujuan itu.

Menurutnya kompleks tersebut antara lain akan mengandungi pejabat-pejabat dan makmal-makmal termasuk makmal permakanan (Food lab), di mana kerja-kerja memproses permakanan dari ikan dilaksanakan.

Dalam pada itu menurutnya lagi, kompleks berkenaan juga akan dibekalkan dengan kilang-kilang ais yang boleh menghasilkan serpihan ais yang mencukupi.

"Dengan terbinanya kompleks ini nanti," jelasnya, "dapatlah masyarakat nelayan dan orang ramai yang

berkecimpung di dalam industri perikanan di daerah ini akan menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam usahanya mempelbagaikan ekonomi negara ini".

Sebelum ini sebuah kompleks yang sama juga telah dibina di Daerah Belait berdekatan dengan pasar seluas kira-kira tiga suku ekar. Apabila kedua-dua projek itu siap nanti tentunya akan memberikan pelbagai kemudahan kepada para nelayan dan peniaga-peniaga ikan di kedua daerah.



AWANG Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup, Setiausaha Tetap Pentadbiran Kementerian Pembangunan meletakkan batu asas bagi Bangunan Pendaratan Ikan di Serasa. — Gambar oleh Ak Bahar PHO.

Upacara penyerahan bendera

SERAMAI 35 orang beliau mewakili Persatuan-persatuan Belia di negara ini kini menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara. Mereka adalah di antara 245 orang belia dari enam buah negara ASEAN dan Jepun yang menyertai rancangan anjuran Kerajaan Jepun itu.

Perserta-peserta rancangan tersebut menaiki Kapal Nippon Maru dari Singapura un-

tuk memulakan pelayaran selama 55 hari. Kapal tersebut akan singgah di tujuh buah negeri yang menyertai rancangan tersebut.

Sejurus sebelum bertolak ke Singapura pada minggu lalu, satu upacara penyerahan bendera Negara Brunei Darussalam telah diadakan di lapangan terbang antarabangsa. Bendera tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Kebajikan, Belia

dan Sukan, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein kepada Awang Abd Hamid Abas, salah seorang Ketua Kumpulan

Duta Besar Jepun, Tuan Yang Terutama Awang Tomoya Kawamura dan lain-lain pegawai Kedutaan Jepun juga berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat belayar kepada rombongan tersebut.



YANG Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awg. Haji Hussein menyampaikan bendera Negara Brunei Darussalam kepada Awg. Abd Hamid Abas. — Gambar oleh Ak Bahar PHO.



SETIAUSAHA Tetap Teknikal Kementerian Pembangunan, Pengiran Dr Ismail menyaksikan pameran daripada Jabatan Telekom. — Gambar oleh Pg Haji Yaakub.

Penuntut digalak pilih bidang teknikal

Oleh Haniza Abdullah

GADONG. — Setiausaha Tetap Teknikal, Kementerian Pembangunan, Pengiran Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit berharap agar lebih ramai lagi penuntut-penuntut dari kalangan rakyat jati negara ini memilih profesion-profesional ukur, jurutera dan arkitek sebagai kerjaya masa depan mereka.

Katanya semoga dengan adanya Minggu Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) yang sengah diadakan di Pusat Tingkatan Enam selama seminggu ini akan mendorong lebih banyak lagi penuntut-penuntut kita yang akan memilih profesion-profesional ukur, jurutera dan arkitek sebagai kerjaya mereka nanti, kerana negara kita masih lagi menghadapi kekurangan tenaga mahir di dalam bidang ini.

Pengiran Dr. Ismail berucap demikian ketika merasmikan Pameran Minggu Kerja PUJA yang berlangsung di Dewan Pusat Tingkatan Enam di sini pada hari Selasa lepas.

Menurut Pengiran Dr. Ismail, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah, sedang dan akan terus memperuntukkan perbelanjaan yang besar pada tiap-tiap tahun bagi memajukan dan memberikan kemudahan kepada rakyatnya, daripada pembangunan yang pesat ini hanya 60% daripadanya yang dijalankan oleh pemborong rakyat jati di samping itu masih banyak lagi pemborong-pemborong tersebut bergantung kuat kepada pegawai-pegawai teknikal dan pekerja-pekerja mahir dari bangsa asing.

Walaupun perkara ini tidak serius kepada jabatan-jabatan kerajaan tetapi menurutnya kekurangan pegawai-pegawai berkenaan menyebabkan kerajaan terpaksa mengambil khidmat pegawai-pegawai dan konsultant dari luar negeri untuk menampung dan membantu pegawai-pegawai tempatan melaksanakan projek-projek di negara ini.

Keadaan seperti ini menurut beliau lagi akan berterusan selagi kita belum dapat mengeluarkan pegawai-pegawai berkenaan dari kalangan rakyat jati di negara ini dengan cukup.

Berdasarkan kenyataan tersebut pihak Kementerian

Pembangunan sangat mengambil berat terhadap kurangnya minat setengah-setengah penuntut dalam jurusan ini, ke arah hasrat untuk memperbanyakkan lagi pegawai-pegawai teknikal, teknisyen dan pekerja mahir di negara ini.

Beliau yakin jika jumlah besar pegawai-pegawai teknikal, teknisyen dan pekerja-pekerja mahir dari kalangan rakyat jati dapat diadakan di negara ini kerjaya pembangunan baik dari segi merekabentuk, pengurusan pentadbiran, pemborongan, pengawasan dan latihan akan dapat dicapai dengan berkesan.

Tema Pameran Minggu

PUJA yang julung-julung kalinya diadakan ini bertepatan "Cabaran dan Peluang Dalam Kerja-kerja Teknikal" merupakan salah satu sumbangan dan kegiatan PUJA Brunei bagi mempopularkan profesion-profesional tersebut di kalangan penuntut khususnya kepada orang ramai amnya.

Sementara itu penubuhan PUJA Brunei pula menurut beliau adalah semata-mata untuk meningkatkan dan mengketengahkan lagi profesion-profesional ukur, jurutera dan arkitek di negara ini bagi mewujudkan profesional yang berdisiplin, dedikasi serta berpengetahuan tinggi dan penuh bertanggungjawab bukan sahaja kepada profesionnya malah kepada bangsa dan negara.

PUJA ditubuh untuk lahirkan profesional

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sebuah pertubuhan yang menggabungkan ahli-ahli profesional di bidang ukur, jurutera dan arkitek kini telah ditubuhkan, dan diberi nama Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Negara Brunei Darussalam.

Penubuhannya adalah dengan tujuan asas bagi meningkatkan dan memajukan kemahiran dan amalan kerja-kerja ukur, kejuruteraan dan arkitek selaras dengan kehendak Kerajaan negara ini, serta menyebarkan pengiktirafan bidang-bidang itu dalam sumbangannya ke arah kemajuan dan perkembangan negara.

Dalam perkembangan ahli-ahlinya pula, PUJA berhasrat memberi panduan supaya mereka akan lebih mahir dan maju dalam bidang yang mereka amali, serta akan melahirkan forum perbincangan dan pertukaran buah fikiran dengan profesional asing dari pertubuhan profesional antarabangsa untuk mendampingi perkembangan-perkembangan baru.

PUJA juga bermaksud bagi membentuk etika kerja untuk melahirkan profesional yang berdisiplin serta memajukan dan menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu dalam

bidang teknikal di negara ini.

Mesruarut Agungnya yang pertama telah melantik Pg. Dr. Ismail bin Pg. Haji Damit, sebagai Yang Dipertua I; Malai Ali bin Malai Haji Othman, Naib Yang Dipertua II; Awang Haji Othman bin Haji Yaakub, Naib Yang Dipertua II; Noordin Mohd. Yusoff, Setiausaha Agung dan Ibrahim Haji Mohammad sebagai Bendahari serta enam orang ahli.

Semua profesional yang bertugas di negara ini dan separuh profesional yang berkaitan menyebarkan ilmu di ketiga bidang berkenaan, serta penuntut-penuntut sekolah yang berminat adalah dipelawa untuk menjadi ahli kepada PUJA.

Keahlian dibahagikan kepada peringkat Fellow, Ahli Bergabung (Corporate) dan Ahli Bukan Bergabung (Non-Corporate) yang diceraikan kepada Ahli Bersekutu (Associate), Graduan dan Penuntut.

Sesiapa yang ingin menjadi ahli kepada pertubuhan ini adalah dipersilakan berhubung secara bertulis kepada Setiausaha Agung, Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA), Peti Surat 1069, Bandar Seri Begawan, telefon : 24261 atau 20782.

MENJIMATKAN AIR PENGORBANAN YG DIKEHENDAKI — Awg. Hj. Mohd. Salleh

Oleh Aisah Plee

BERAKAS. — Setiausaha Tetap Pentadbiran di Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup berkata, sedikit pengorbanan yang dikehendaki dari kita di negara ini sekarang, ialah menjimatkan air dan tidak membazir dalam menggunakannya, pengorbanan yang sangat sedikit dibandingkan dengan usaha Kerajaan dalam membekalkannya kepada orang ramai.

Beliau menjelaskan, kerana kita di negara ini sudah sampai ke peringkat bagi menghadapi masalah-masalah perbekalan air untuk perkembangan berbagai-bagai perusahaan, perkembangan pertanian, juga air untuk keselamatan, kesejahteraan dan kesejahteraan orang ramai.

"Masalah perbekalan air yang kita hadapi sekarang tidak lagi hanya kita kaitkan kepada masalah untuk membekalkan air yang cukup bagi kegunaan rumah tangga atau 'domestic uses' sahaja," tegasnya.

Berucap ketika merasmikan Pelancaran Kempen 'Menjimatkan Air' di lobi Bangunan Jabatan Kerja Raya di sini pagi Isnin lepas, Awang Haji Mohd. Salleh menyingkap kembali sejarah perbekalan air di negara ini dari tahun lima puluhan hingga ke tahun enam puluhan, di mana masih banyak kawasan di seluruh negara khususnya kampung-

kampung yang terletak di kawasan luar bandar, menggunakan air dari sumber telaga, air sungai, stand pipe atau telaga pam (atrison well) yang tidak membekalkan air yang menjalani proses treatment yang boleh dikatakan hygenic.

Awang Haji Mohd. Salleh seterusnya menjelaskan, bahawa perbekalan air waktu itu juga berubah warnanya mengikut musim, jernih di musim kemarau dan kabut di musim hujan, malah boleh menjadi kabut di musim kemarau jika banyak yang menggunakan air dari sumber yang sama.

Stand pipe yang dibina di tebing-tebing Sungai Brunei, jelasnya, ada kalanya tidak dapat mengeluarkan air yang cukup terutama di musim kemarau dan pengangkutan-pula dengan sistem 'ber-queue'. Malah, katanya, air hujan juga kadangkala digunakan untuk memasak selain untuk mencuci pakaian dan mandi.

"Tidak syak lagi pada waktu itu tugas membekalkan air adalah dipikul oleh orang ramai dan tugas itu adalah merupakan tugas yang sangat berat jika dipandang dengan mata masyarakat pada masa ini," tegas Awang Haji Mohd. Salleh.

Penyingkapan cerita lama itu, beliau menegaskan, adalah supaya mendatangkan kesedaran bahawa kesenangan yang kita nikmati sekarang bukan datang dengan sendiri, malah memerlukan usaha yang gigih dan perbelanjaan yang banyak.

"Ini adalah juga dengan ingatan kepada kita bahawa orang-orang yang berkhidmat terdahulu daripada kita juga mempunyai peranan pada menempatkan Brunei



AWANG Haji Mohd. Salleh, Setiausaha Tetap Pentadbiran Kementerian Pembangunan, sedang menutup paip tanda perasmian Pelancaran Kempen Menjimatkan Air. — Gambar oleh Pg. Hj. Yaakub

Darussalam ke tahap kemajuan yang kita nikmati sekarang mengikut kebolehan yang mereka capai dan daya teknologi yang mereka perolehi. Dengan ingatan lagi bahawa infrastruktur pembangunan adalah perkara yang perlu dimulakan dan

setelah dimulakan perlu digerakkan ke hadapan," tambahnya.

Upacara Pelancaran Kempen 'Menjimatkan Air' bermula dengan ucapan dari Pengerusi Jawatankuasa Kempen 'Menjimatkan Air'

ke-2, Awg. Hj. Samat Hj. Abas. Pelancaran hari itu juga mengandungi acara penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Kempen Menulis Cadangan Jimatkan Air serta pameran tiga hari di lobi Bangunan Jabatan Kerja Raya.

Waktu pembayaran air

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kerja Raya memaklumkan kepada orang ramai bahawa waktu pembayaran bagi tuntutan air ialah pada hari Isnin hingga Jumaat, dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang dan hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Jabatan itu juga mengumumkan harga kadar bayaran air tiap-tiap 1000 gelen bagi 12,000 gelen permulaan sebulan dan bayaran bagi kegunaan seterusnya.

Bagi perumahan ialah 50 sen tiap-tiap 1,000 gelen bagi 12,000 gelen permulaan sebulan dan \$2.00 bagi kegunaan seterusnya, sementara bagi bekalan sementara dan kapal ialah \$5.00 tiap-tiap 1,000 gelen bagi 12,000 gelen permulaan dan \$5.00 bagi kegunaan seterusnya.

Kadar bayaran tiap-tiap 1,000 gelen pada 12,000 gelen

permulaan bagi perusahaan ringan dan pertanian pula ialah \$3.00 dan \$3.00 bagi bayaran kegunaan seterusnya. Manakala bagi kedai kopi dan

hotel ialah \$2.75 tiap-tiap 1,000 gelen bagi 12,000 gelen permulaan sebulan, dan \$2.75 bagi kegunaan seterusnya.

NAIK PANGKAT

BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menaikkan pangkat serta per-tukaran jawatan dua orang Pegawai Kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Leftenan Kolonel Pehin Datu Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa Haji Husien bin Ahmad memegang jawatan baru sebagai Pengarah, Latihan Darat mulai 1 Oktober 1985 dan dinaikkan ke pangkat Pemangku Kolonel.

Dalam jawatan baru itu,

Kolonel Pehin Datu Harimau Padang Dato Haji Husien akan bertanggungjawab bagi Latihan Unit-Unit Darat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta menyelenggarakan semua kegiatan ABDB di kawasan Tutong/Penanjong.

Sementara itu, Mejar Haji Md. Jaafar bin Haji Abdul Aziz akan mengambil alih jawatan Pemerintah Batalian Kedua, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dari Leftenan Kolonel Pehin Datu Harimau Padang Dato Seri Laila Jasa Haji Husien pada 30 September, 1985 dan dinaikkan ke pangkat Pemangku Leftenan Kolonel.

Berkursus ke U.K.

BERAKAS. — Dua orang pegawai dari Jabatan Kemajuan Kerjasama telah berlepas ke United Kingdom baru-baru ini bagi mengikuti kursus Certificate in Co-operative Management and Supervision di Co-operative College, Loughborough, Leicester-

shire, England.

Awang Zaini bin Karas, Penyelia Kanan Kerjasama dan Awang Md. Serudin bin Haji Tuah, Penyelia Terlatih Kerjasama mengikuti kursus tersebut bagi selama sembilan bulan melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan.

Didakwa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yong Fuh Wui, seorang bekas Kerani Pemesanan Projek di Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad, telah didakwa di Mahkamah Majistret di sini pada 26 September lepas di atas tujuh tuduhan.

Dia dengan setahunnya telah membuat penambahan barang-barang yang ianya tidak diberi kuasa untuk menambah ke atas tujuh baucar Pengeluaran Barang-Barang Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad, iaitu satu kesalahan di bawah Bab 6(c) dari Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah), 1981.

Yong Fuh Wui, berusia 28 tahun, juga didakwa di atas tujuh tuduhan pilihan kerana memalsukan dokumen-dokumen tersebut untuk digunakan bagi tujuan menipu, iaitu satu kesalahan di bawah Bab 468 Undang-Undang Jenayah.

Dia dibebaskan dengan ikatan jaminan sebanyak \$25,000.00 dengan dua orang penjamin tempatan. Kes tersebut akan didengar semula esok, 10 Oktober.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 9 Okt. hingga 15 Okt. 1985

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Kerajaan Limau Manis	9.10.1985	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Kerajaan Pengkalen Batu	9.10.1985	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Kerajaan Masin	9.10.1985	Rabu	11.00-12.00 t/hari
Di Hadapan Sekolah Rendah Kerajaan Kupang	9.10.1985	Rabu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Kerajaan Jerudong	12.10.1985	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	12.10.1985	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Kerajaan Sengkurong	12.10.1985	Sabtu	11.00-12.00 t/hari
Sekolah Agama Sengkurong	12.10.1985	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Kerajaan OKSB Kilanas	12.10.1985	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Rendah Kerajaan Bendahara Sakam Bunut	12.10.1985	Sabtu	4.30- 5.30 "
Di hadapan rumah Penghulu Mukim Serasa Muara	13.10.1985	Ahad	9.00-10.00 pagi
Di kawasan rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara	13.10.1985	Ahad	10.15-11.15 "
Di hadapan Kedai Pekan Muara	13.10.1985	Ahad	11.30-12.00 t/hari
Sekolah Rendah Kerajaan Lumapas	14.10.1985	Isnin	9.30-10.30 pagi
Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah)	14.10.1985	Isnin	2.30- 3.00 petang
Sekolah Agama Kampong Perpindahan, Berakas	14.10.1985	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Rendah Kerajaan OKBI Subok	15.10.1985	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Kerajaan Dato Mahawangsa Lambak	15.10.1985	Selasa	10.30-11.30 "



AWANG Zaini bin Karas dan Awang Md. Seruddin bin Haji Tuah sebelum bertolak ke London.

MENTIRI — Peserta Singapura M. Balraj keluar sebagai juara Kejuaraan Golf Terbuka Brunei ke-8 dan seterusnya meraih Piala Pusungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

M. Balraj yang mewakili Sembawang Country and Club memperoleh 225 mata melalui 79 pukulan. Beliau

juga memenangi acara Course Record, menduduki tempat pertama dan kedua dalam bahagian lelaki handikap, serta memenangi hari pertama Gross Prize lelaki.

Dua peserta lelaki daripada Sabah mengekori di tempat kedua dan ketiga. Peter Wong menduduki tangga kedua

Kejuaraan Golf Terbuka Brunei

Oleh Ahat Ismail

mewakili Kelab Golf Kinabalu berjaya memungut mata sejumlah 227 dengan 78 pukulan dan rakan senegarannya Lee Thau Joheng, mewakili Sabah Golf and Country Club berjaya di tempat ketiga memperoleh 232 mata dengan 80 pukulan. Dalam bahagian wanita juara dan naib juara dimonopoli oleh peserta-peserta daripada Sabah yang kedua-duanya mewakili Sabah Golf and Country Club.

Grace Ebade juara dalam bahagian wanita memperoleh 246 mata dengan 84 pukulan. Beliau memenangi Piala Datin Rosnah, manakala rakan sekelabnya Nichollette Cwenca yang menjadi naib juara memperoleh

261 mata dengan 93 pukulan.

Peserta Negara Brunei Darussalam E.K. Williams yang mewakili Penaga Golf Club jatuh di tempat ketiga dengan mendapat 266 mata dalam 93 pukulan.

Sementara itu peserta lelaki Negara Brunei Darussalam David G. Miller menduduki tempat ke-10, daripada 12 orang peserta yang berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir.

Kejuaraan tiga hari itu disertai oleh lebih dari 180 orang peserta lelaki dan wanita dari negara-negara di Malaysia, Singapura dan United Kingdom. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Menteri Pembangunan.



JUARA Golf Terbuka Brunei ke-8, M. Balraj menerima Piala Pusungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam daripada Menteri Pembangunan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

TUTONG JUARA

CITA-CITA Daerah Belait untuk menjuarai Piala Presiden tahun ini belum lagi terkabul meskipun sudah dua tahun berturut-turut berjaya memasuki peringkat akhir kejuaraan Bola Sepak Piala Presiden namun nasib belum lagi menyebelahi.

Tahun lepas mereka dikecewakan oleh ABDB dan pada kali ini pula sekali lagi kecewa apabila mereka ditundukkan oleh Daerah Tutong 2 - 1 di perlawanan akhir yang berlangsung di Stadium Negara Hassanah Bolkiah.

Berdasarkan keputusan tersebut, Daerah Tutong akan mewakili Negara Brunei Darussalam ke Kejuaraan Bola Sepak Antara Kelab-kelab ASEAN yang akan berlangsung di negara ini di mana Brunei Darussalam dijangka akan menjadi tuan rumah.

Daerah Tutong memperoleh gol pertama di awal minit keenam perlawanan separuh masa pertama hasil jaringan daripada pemain sayap kanannya, Hamid Hj. Abd. Rahman yang menerima umpanan baik daripada pemain mid-fieldnya, Marzuki Haji Salam yang juga bertindak sebagai ketua pasukan.

Kemudian di minit ke-24, juga dalam separuh masa pertama Daerah Belait berjaya menyamakan kedudukan 1 - 1 hasil daripada pergelutan hebat di depan pintu gol Daerah Tutong.

Dalam masa kedudukan seri 1 - 1, kedua pasukan ber-

main berhati-hati dan tidak banyak serangan-serangan dilakukan. Sungguhpun begitu Daerah Belait masih mampu membuat dua percubaan bahaya melalui pemain kebangsaan negara, Zainuddin Kassim yang bertindak sebagai perancang serangan dan nadi penggerak Daerah Belait.

Enam minit perlawanan terakhir hendak ditamatkan di mana kedudukan masih lagi seri 1 - 1, Daerah Tutong memperoleh satu sepakan penalti dan diambil oleh Marzuki Haji Salam. Hasil daripada sepakan itu telah membawa Daerah Tutong sebagai juara Piala Presiden tahun ini.

Juara bertahan tahun lalu, gagal memasuki peringkat separuh akhir apabila tewas di tangan pasukan Daerah Brunei dan Muara 3 - 1, dan memberi kemenangan percuma kepada Daerah Belait. Manakala pasukan 'favourite' Daerah Brunei dan Muara tewas mengejut oleh Daerah Tutong dengan jaringan tipis 1 - 0 dalam peringkat separuh akhir.



PENJARING utama Daerah Tutong, Marzuki Haji Salam menerima Piala Presiden daripada Yang Dipertua BAFB, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin. — Gambar oleh Pg Haji Yaakub.



PESERTA dari Singapura, Jonathan Ho menjuarai acara keseluruhan Kejuaraan Layar Meluncur Angin dan seterusnya menggondol Piala Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, merangkap Timbalan Menteri Kewangan. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

BARU-baru ini Kejuaraan Layar Meluncur Angin kali ke-2 bagi merebut Piala Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, merangkap Timbalan Menteri Kewangan telah berlangsung selama tiga hari di Pantai Serasa.

Ianya adalah bersempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam kali ke-39.

Pemenang keseluruhan dijuarai oleh Jonathan Ho dari Singapura, kedua ialah Bernhart Dominique dari Sabah, dan ketiga ialah Pegawai Waran II Mahdeli Ideris dari Negara Brunei Darussalam. Juara dalam acara marathon disandang oleh Ekit Awang.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Perkerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain.

Lebih 200 sertai Sukan Belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih 200 orang belia dan beliawanis di seluruh negara menyertai Pesta Sukan Belia

anjuran Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan sempena Tahun Belia Antarabangsa yang berlangsung di Dewan Gerak Badan Sekolah Menengah Chung Hwa di ibu negara pada hari Ahad lepas.

Sebanyak tujuh acara sukan dalam (indoor games) telah dipertandingkan di pesta sukan ini, yang mana johan telah disandang oleh pasukan belia dari Kuala Belait semen-

LIBATKAN DIRI DLM PERSATUAN BELIA

BANDAR SERI BEGAWAN.

Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam (MBB) ditubuhkan di negara ini mempunyai dasar dan pendiriannya yang teguh pada sentiasa menyokong dan mendukung sepenuhnya kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khasnya dalam gerakan persatuan belia dan kebajikan yang sihat dan tidak terkeluar dari batas-batas perlembagaannya.

Demikian ditegaskan oleh Setiausaha Agung Tertinggi MBB, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Wahid ketika menyampaikan ceramah yang bertajuk, 'Majlis Belia-Belia Brunei' kepada peserta-peserta belia yang mengikuti Rancangan Kapal Belia ASEAN anjuran Kerajaan Jepun yang berlangsung di Pusat Belia di sini pada minggu lalu.

Menurutnya, semenjak MBB ditubuhkan pada tahun 1959 sejumlah 75 buah persatuan-persatuan belia dan kebajikan di negara ini telah bergabung dengan MBB.

tara naib johan ialah pasukan dari Daerah Brunei dan Muara. Penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang di

Pengiran Suhaimi juga menyeru belia-belia di negara ini supaya melibatkan diri dengan cergas dengan menyertai projek-projek sama ada yang berupa sosial, budaya, ekonomi, pelajaran dan sebagainya sama ada yang dianjurkan oleh Kerajaan mahupun persatuan-persatuan masing-masing.

"Ilmu dan pengalaman adalah penting bagi membolehkan seseorang belia itu bergerak cergas dan dapat mengambil bahagian lebih-lebih lagi dalam pergerakan belia antarabangsa," ujarnya.

Beliau menekankan bahawa cara yang berkesan untuk berbakti kepada bangsa dan negara ialah dengan memasuki persatuan-persatuan belia dan kebajikan.

"Dengan adanya penglibatan belia dalam persatuan, maka masa lapang yang banyak terbuang itu akan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya. Di samping itu belia-belia tidak akan mudah terjerumus kepada perkara-perkara yang kurang sihat seperti menagih dadah dan sebagainya," jelasnya.

akhir perlawanan telah dilakukan oleh Timbalan Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad.



PASUKAN Belia dari Kuala Belait telah muncul sebagai johan di Pesta Sukan Belia, anjuran Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan sempena Tahun Belia Antarabangsa di Dewan Gerak Badan Sekolah Menengah Chung Hwa, di ibu negara. — Gambar oleh Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim.

Hadiah Kepujian Shell

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Upacara Penyampaian Hadiah-Hadiah Kepujian Brunei Shell tahun 1985 akan diadakan esok, 10 Oktober jam 8.30 pagi di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di Jalan Tutong.

Upacara penyampaian hadiah-hadiah itu adalah bagi murid-murid Sekolah-Sekolah Ugama Daerah Brunei-Muara dan Temburong.

Sementara itu, upacara yang sama akan diadakan pada hari Ahad ini, 13 Oktober bagi murid-murid Sekolah Ugama Daerah Tutong dan Belait. Majlis tersebut akan bermula jam 8.30 pagi di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain di Daerah Tutong.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN KERTAS-KERTAS PERCETAKAN/BOARD/KERTAS SALINAN/ KERTAS TAIP/KERTAS KAJANG KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1986.

I. Tawaran-Tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, Hari Isnin 11 November, 1985 bagi membekalkan perkara-perkara di atas ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1986.

ITEM	KETERANGAN-KETERANGAN	BAHAN	UKURAN	BANYAK
KERTAS-KERTAS/BOARDS				
1.	Japanese/Korean Woodfree Printing Paper Glazed	60 Gsm	31×43"	3,000 Reams
2.	Japanese/Korean Woodfree Printing Paper Glazed.	80 Gsm	31×43"	3,000 Reams
3.	Japanese/Korean Woodfree Printing Paper Glazed.	100 Gsm	31×43"	200 Reams
4.	Japanese/Korean Woodfree Printing Paper Glazed.	120 Gsm	31×43"	100 Reams
5.	Japanese/Swedish Artpaper/Plain/White BSC.	105 Gsm	31×43"	1,000 Reams
6.	Japanese/Swedish Artpaper/Plain/White BSC.	128 Gsm	31×43"	1,500 Reams
7.	Japanese/Swedish Artpaper/Plain/White BSC.	157 Gsm	31×43"	50 Reams
8.	Japanese Egg-Shell Embossed Artpaper.	128 Gsm	31×43"	100 Reams
9.	Japanese/UK Cast Coated Artboard BSC.	260 Gsm	31×43"	500 Packets
10.	Japanese/UK White Board BSC.	260 Gsm	31×43"	300 Packets
11.	Conqueror High White Laid (SRA2).	100 Gsm	450×640mm	800 Reams
12.	Conqueror High Jade Laid (SRA2).	100 Gsm	450×640mm	50 Reams
13.	Swedish Matt Artpaper (SRA1).	157 Gsm	640×900mm	200 Reams
14.	Goatskin Parchment Paper (UK) (SRA2).	160 Gsm	450×640mm	100 Reams
15.	Samuel Jones Self Adhesive Paper Cut-Back Supreme Gloss.		508×762mm	150 Reams
16.	Japanese Invitation Gilt Edge Cards Pure White.	260 Gsm	176×126mm	600 Packets
17.	Independence/Orbit/Burnie/Radio Bond Paper Warna (Tint).	60 Gsm	685×865mm	2,400 Reams
	a) White — 1,000 Reams			
	b) Pink — 200 Reams			
	c) Yellow — 500 Reams			
	d) Blue — 200 Reams			
	e) Green — 500 Reams			
18.	Keaycolour Ponyskin Dresden Yellow.	250 Gsm	25×38"	200 Packets
19.	Keaycolour Board (UK) Crepon Snow White	250 Gsm	25×38"	300 Packets
20.	Japanese/Australia Grey Chipboards.	260 Gsm	31×43"	400 Packets
21.	Kraft Paper.	95 Gsm	35×47"	300 Reams
22.	Ruled Paper. (Dibungkus 1 Ream (500 Keping) satu).	60 Gsm	210×297mm	10,000 Reams

KERTAS SALINAN

23.	Korea/Japan/Australia Duplicating Paper (Tint).	70/60 Gsm	665×845mm	5,000 Reams
	(a) White — 1,000 Reams.			
	(b) Pink — 1,000 Reams.			
	(c) Yellow — 1,000 Reams.			
	(d) Green — 1,000 Reams.			
	(e) Blue — 1,000 Reams.			

KERTAS TAIP

24.	Australian Burnie Superfine White. (Hendaklah dibungkus 3 Reams (1500 Keping) dalam satu bungkus dengan menggunakan kertas Kraft 95 Gsm).	60 Gsm	210×297mm	12,000 Reams
-----	--	--------	-----------	--------------

II. Tawaran yang diterima selepas dari tarikh ditutup tidak akan dilayan.

III. Semua Tawaran HENDAKLAH disertakan dengan contoh Kertas/Board, Cap atau Brand Kertas, Syarikat yang membuat serta keterangan-keterangan yang diperlukan di dalam Borang Tawaran yang disediakan. Semua Tawaran hendaklah menggunakan Borang Tawaran yang disediakan, kegagalan mengisikan keterangan-keterangan yang diperlukan tidak akan dipertimbangkan.

IV. Harga Tawaran adalah termasuk menghantar serta menyusun kertas-kertas yang dibekal ke Stor Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

V. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak ada tanda-tanda si pengirim dan hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dengan menanda di sampul itu:—

PEMBEKALAN KERTAS 1986 KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN, KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

VI. Borang Tawaran dan penentuan serta keterangan-keterangan lanjut boleh diperolehi dari Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam semasa Pejabat dibuka.

VII. Cagaran tawaran sebanyak \$5,000.00 atas nama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah dibayar di Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang tawaran cuma akan diberikan setelah wang cagaran dijelaskan dengan menunjukkan resit pembayaran dan salinan resitnya HENDAKLAH disertakan dengan tawaran yang dihidangkan. Cagaran ini akan dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya. Cagaran akan jua dikembalikan kepada Syarikat-Syarikat yang berjaya setelah ia habis membekalkan kertas-kertas yang ditawarkan kepadanya.

VIII. Syarikat-Syarikat yang berjaya akan mengikat kontrak dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan membekalkan kertas-kertas/Board sepanjang tahun dengan mengikut harga-harga tawaran.

IX. Syarikat-Syarikat yang berjaya adalah jua dikehendaki mengikat kontrak dan bersetuju membekalkan kertas-kertas dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut:—

- 50% dihantar dalam tempoh 75 hari dari tarikh tawaran dimaklumkan.
- 50% dihantar dalam tempoh 45 hari selepas tempoh penghantaran di atas.

X. Kerajaan berhak menolak tawaran atau mengenakan denda sebanyak \$20.00 sehari bagi pembekal yang lambat menghantar atau membatalkan kontrak dengan pembekal pada bila-bila masa tanpa notis jika tidak mengikut peraturan-peraturan yang disebut di atas. Sebagai tambahan, Jabatan ini akan membuat laporan penuh berkenaan dengan pembekalan yang gagal ke Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam untuk tindakan lanjut.

XI. Syarikat yang berjaya dikehendaki menandatangani satu kontrak dengan Pengarah Percetakan dan bersetuju mengikut syarat-syarat kontrak itu dan peraturan-peraturan Kerajaan yang berjalan pada masa ini.

XII. Kerajaan tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

TAWARAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA

BIL : 15/1985

PEMBORONG - pemborong adalah dipelawa untuk menghantarkan tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 14 Oktober, 1985 bagi membekalkan minuman ringan dari jenis "orange" seperti keterangan berikut:—
Jenis "orange" — pakaj kotak — 50,000 kotak dikehendaki.

2. Pemborong - pemborong bolehlah menghantar beberapa jenis "minuman orange" dan contoh jenis "orange" yang ditawarkan hendaklah disertakan bersama sekurang-kurangnya sekotak tiap-tiap sejenis bagi dipertimbangkan.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa mengekalkan identiti pemborong dan diminta membubuh di luar sampul surat perkataan "TAWARAN MINUMAN BAKI SAMBUTAN MAULUD 1406/1985."

4. Bagi syarikat yang berjaya membekalkan minuman tersebut, hendaklah menghantarkan minuman itu ke Jabatan Hal Ehwul Ugama, Bandar Seri Begawan tidak lewat pada hari Isnin, 13 November, 1985 disebelah pagi.

5. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang murah atau seumpamanya.

NOTIS TAWARAN JABATAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA

TAWARAN-tawaran adalah dijemput bagi menyediakan Pakaian Seragam (Uniform) bagi 80 orang Perempuan dan 4 orang Lelaki Atendan Luar Kereta di Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait dan SERIA.

Tawaran-tawaran mestilah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bandar Seri Begawan, Jabatan Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 28 Oktober, 1985. Tawaran yang diterima selepas tarikh tersebut akan ditolak.

Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup. Di muka sampul itu tidak boleh dibuat tanda yang boleh mengenalkan nama penawar.

Kerja yang ditawarkan mestilah disebutkan dengan terang di sampul surat itu dengan perkataannya mestilah "MENYEDIAKAN PAKAIAN SERAGAM DI PEJABAT LEMBAGA BANDARAN, KUALA BELAIT DAN SERIA". Tawaran yang diterima dalam sampul surat yang tidak dialamatkan dengan betul akan ditolak.

Mengenai dengan jenis kain pakaian seragam, Penawar-penawar bolehlah datang ke Pejabat Bandaran, Kuala Belait pada bila-bila masa sebelum mengemukakan tawaran.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah atau sebarang tawaran.

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICES

PROJECT No. P2061

1. TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B classification.
2. The said tenders are for The Construction of the Distribution Cable Network at Jalan Kebangsaan No. 7 D.A. 7A — North Exchange.

3. Tenders should be placed in the Tenders Board, 4th Floor, Ministry of Finance, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam not later than 12.00 noon on 11th November, 1985. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:

CONSTRUCTION OF CABLE NETWORK AT JALAN KEBANGSAAN CABINET NO. 7—P2061

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of \$500.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tender who fails to submit a tender.

6. The Government of His Majesty the Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.
7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 0900 hours on 21st October 1985 at Ground Floor, Telephone House, Telecoms Headquarters, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

PROJECT No. P2115

1. TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B or C classification.

2. The said tenders are for the Construction of Pole Route and Aerial Cable at Jalan Kiulap in the Central Cabinet Distribution Area 32B. (Gadong).

3. Tenders should be placed in the Tenders Board, 4th Floor, Ministry of Finance, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam not later than 12.00 noon on 28th October, 1985. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:

CONSTRUCTION OF POLE ROUTE AND AERIAL CABLE AT JALAN KIULAP, GADONG.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of \$200.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tender who fails to submit a tender.

6. The Government of His Majesty the Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself

to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 0900 hours on 14th October 1985 at Ground Floor, Telephone House, Telecoms Headquarters, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

PROJECT No. P 2016

TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B or C classification.

2. The said tenders are for Telesai New Cable Distribution Scheme.

3. Tenders should be placed in the Tenders Board, 4th Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday 21st October, 1985.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

PROJECT 2016 — TELESAT

NEW CABLE DISTRIBUTION SCHEME.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of \$500.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tender who fails to submit a tender.

6. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 0900 hours on 17th October, 1985 at the Telesai Exchange, Kampong Danau, Tutong. Tender will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL : 34/85

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 21 Oktober, 1985 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam.

"SODA ASH GRANULAR (SODIUM CARBONATE) PACKING IN 50kg BAG"

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 34, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN-TAWARAN YANG BERJAYA

66. Tawaran Letrik bagi pemeliharaan & pemasangan alat hawa dingin di Hutan Baiduri, Jln Tutong — M/s Machaire Engineering Sdn Bhd — \$61,530.00 — 1 tahun.
67. Tawaran Letrik bagi kerja-kerja memperbaiki & pemeliharaan untuk alat-alat penyejuk di bilik pengawetan Muara, Pelabuhan Muara — Regal Air-Conditioning Engineering & Electric Company — \$208,297.20.
68. Tawaran Letrik bagi nominated air-conditioning services subcontract proposed Secondary School for Belait District — ACE Air-Conditioning & Eng Sdn Bhd — \$60,133.69 — 9 bulan.
69. Tawaran Letrik bagi membekal unit-unit pengatur hawa dingin untuk bangunan-bangunan Jabatan Kerajaan — M/s Malayan Electrical Company Sdn Bhd — \$487,974.00.
70. Tawaran Letrik bagi pemasangan letrik untuk 10 blok (12 unit) kelas F Rumah Pangsa di ABDB Tutong Kem Penanjung — Lobi Electrical & Eng Co — \$452,080.00.
71. Tawaran Letrik bagi supply of Three Phase KWH Meter — Fuji Electric Company — \$189,000.00 CIF Muara — 4 bulan.
72. Tawaran Letrik bagi complete erection & realignment of existing 35ft tubular steel poles at Kg Bebuloh & Kg Batang Mitus, Laminun — M/s A. H. Yaakub Zainal — \$144,441.00.
73. Tawaran Letrik bagi proposed extension to existing 66KV substation at Jln Setra Raja KB — Dana Construction Sdn Bhd — \$520,000.00 — 6 bulan.
74. Tawaran Letrik bagi membekal dua buah Truck Mounted form Aerial Platform — M/s Goh Hock Kee Motor Sdn — \$203,600.00 (+ cukai).
75. Tawaran Letrik bagi supply of 3000 meters of H. V. Cables 3 core x 300 sq MM XLPE insulated as per specification — Messrs Fujikura Ltd — \$183,150.00 CIF Muara.
76. Tawaran ABDB bagi Alat-alat Musik Melayu — Awang Damar bin Tunjung — \$6,800.00 — 3 minggu.
77. Tawaran ABDB bagi membekal Seal Oil — Syarikat Hopel Enterprise — \$5,720.00 — 4 bulan.
78. Tawaran ABDB bagi membekal Motorola Radio & Pager Equipment — Syarikat Rank O'Connor — \$110,406.00 (+ cukai) — 10 minggu.
79. Tawaran ABDB bagi membekal Accommodation Glass — Syarikat Awg Trohah Hasip — \$92.50 kontrak 2 tahun.
80. Tawaran ABDB bagi Photographic Film Developing / Printing Equipment — Perintis Industrial Sdn Bhd — \$32,580.00.
81. Membekal Laminator Machine — Syarikat Logistics Engineering & Maintenance Services Ltd — \$6,869.00 — 90 hari.
82. Tawaran ABDB bagi membekal battery 1.5V — Syarikat Ace Agencies (B) Co — \$9,000.00 — 2 bulan.
83. Tawaran ABDB bagi membekal Radio Cakram — Syarikat Yusada IAL Sdn Bhd — \$6,916.00 — 8 minggu.
84. Tawaran ABDB bagi membekal Cable Joining Kits — Yusada IAL — \$53,105.00 CIF — 12 minggu.
85. Tawaran ABDB bagi membekal Plastic Bin — Syarikat Ace Agencies (B) Co — \$11,180.00 — 3 bulan.
86. Tawaran ABDB bagi membekal Compass Prismars — Syarikat OIL Industrial Services — \$8,250.00 CIF — 4 minggu.
87. Tawaran ABDB bagi membekal Motorola Flexor — Syarikat Rank O'Connor — \$6,140.00 (+ cukai) — 10 minggu.
88. Tawaran ABDB bagi portable airconditioners — Sri Malayan Electrical Co Ltd — \$9,000.00 — 2 bulan.
89. Tawaran ABDB bagi membekal Royal Engineers Bouncy Aid — Oil Industrial Services Sdn Bhd — \$7,440.00 CIF — 14 minggu.
90. Tawaran ABDB bagi membekal Jerican Petrol — Sys East Holdings Ltd — \$21,600.00 CIF bagi 500 unit.
91. Tawaran ABDB bagi membekal Metal Discs — Syarikat Jemard Trading Co — \$9,360.00 bagi 120 sets.
92. Tawaran ABDB bagi membekal Sand Bag Proofed — Everlee & Co — \$49,500.00 bagi 50,000 unit — 10 minggu.
93. Tawaran ABDB bagi membekal Tape Masking — Brown Hill Enterprise — \$3,572.00 — 3 bulan.
94. Tawaran ABDB bagi membekal Radio Communication Equipment — Syarikat Ponsel Technical Services — \$188,480.00 CIF — 4 bulan.
95. Tawaran ABDB bagi membekal Buku-buku Bahasa Melayu — Syarikat Mega — \$12,251.40 — 60 hari.
96. Tawaran ABDB bagi Insurance Vessel (P/R/C/48) — MDS Corporation (B) Pte Ltd — US\$23,462.40.
97. Tawaran ABDB bagi membekal Plastic Target — Syarikat The Target — \$182,500.00 CIF bagi 5000 unit — 20 hingga 26 minggu.
98. Tawaran ABDB bagi Alat-alat Kelengkapan Pergigian — Syarikat Medix Suppliers — \$251,900.00 CIF.
99. Tawaran ABDB bagi membekal Engine Assembly — Syt G & C Alfah — \$10,510.00 — 3 bulan.
100. Tawaran ABDB bagi membekal PA System — Syarikat Yusada IAL Sdn Bhd — \$81,576.80 (+ cukai) — 14 minggu.
101. Tawaran ABDB bagi membekal Blanket G.S. — Kamsil Hassan & Sams — \$21,550.00 bagi 550 helai bantal Swin China — 3 bulan.
102. Tawaran ABDB bagi membekal Radio Spares — Yusada IAL Sdn Bhd — \$109,580.00 CIF — 18 minggu.
103. Tawaran ABDB bagi membekal Tool Kit — Logistics Engineering & Maintenance Services Ltd — \$54,488.10 CIF — 3 bulan.
104. Tawaran ABDB bagi membekal Shoe Buckles — Syarikat Glimmer — \$8,790.00 bagi 90 pasang — 4 bulan.
105. Tawaran Polis bagi supply of PVE Communication Equipment Spares — Modern Fire & Safety Services Co — \$6,984.72 — 40 minggu.
106. Tawaran Polis bagi supply of Cordless HF Transceiver Spares — Rank O'Connor — \$10,044.20 — 8 minggu.
107. Tawaran Polis bagi spare for Motorola Communications Equipment — Rank O'Connor — \$123,018.35 — 12 minggu.
108. Tawaran Polis bagi membekal Outboard Engine Spares — Substantia Marine Equipment & Machinery Supply Co — \$15,039.90.
109. Tawaran Polis bagi membekal fingerprint Pads — Logistic Eng & Maintenance Services Ltd — \$13,775.00.
110. Tawaran Polis bagi membekal Saluting Canons & Trailer — Kelengkapan Intan Pte Ltd — \$119,605.92 — 3 bulan.
111. Tawaran Polis bagi Compressed Air System for Vehicle maintenance workshop — Czarina Traders — \$25,339.50 — 4 bulan.
112. Tawaran Polis bagi Vehicle Maintenance Lifts — Kim Lee Hong Motors Pte Ltd — \$25,600.00 — 2 hingga 3 bulan.
113. Tawaran Polis bagi Tanker Sprinkler Truck — Econ Motor — \$27,690.00 (+ cukai) — 3 hingga 4 bulan.
114. Tawaran Polis bagi Uniform Material — Logistic Engineering & Maintenance Services — \$29,500.00 bagi 5,000 ela — 4 bulan.
115. Tawaran Polis bagi Alat-alat Musik — Contessa Trading Co — \$28,904.00 — 1 hingga 2 bulan.
116. Tawaran Pejabat Daerah Tutong bagi membekalkan Tabir Dewan Kemasyarakatan Tutong — Mohammad Boon Sheng Manufacturers (Pte) Ltd — \$6,040.00 bagi tabir — \$8,500.00 bagi rail.
117. Tawaran Kemajuan Perumahan bagi RP/PN Lambak Kanan Peringkat 6 — Kerja-kerja Tanah & infrastruktur — Syarikat Pembinaan Pg Hj Metussin & Hiew — \$19,598,653.00 — 29 bulan.
118. Tawaran Kemajuan Perumahan bagi RP/PN Lambak Kanan — Binaan 70 buah rumah bagi peringkat 2 A — Syt Pembangunan Pg Omar Sabtu — \$4,211,371.00 — 16 bulan.
119. Tawaran Kemajuan Perumahan bagi RP/PN Kampong Pandan, KB Kontrak 6 — Outfall Canal — Guma Sdn Bhd — \$8,771,671.77 — 12 bulan.
120. Tawaran Kemajuan Perumahan bagi binaan longkang konkrit khabat empat persegi & takong konkrit (sumps) di Peripindahan Kg Burong Pingai Berakas — Rome Seri Enterprise — \$132,836.00 — 3 bulan.
121. Tawaran Kemajuan Perumahan bagi RP/PN Lambak Kanan — Binaan 88 buah rumah bagi peringkat 2 B — Syarikat Pg Hj Omarali & Anak-Anak — \$6,260,047.20 — 12 bulan.
122. Tawaran JHEU bagi Kantin S. U. Salambigar Batu 81 Jln Muara — Dayang Aminah bte Hj Ibrahim — \$20,000 sebulan — 2 tahun.
123. Tawaran JHEU bagi Kantin S. U. Pengiran Mohammad Belkiah, Temburong — Dy Taisah binti Ampuan Hj Adol — \$35.10 sebulan.
124. Tawaran JHEU bagi Kitab-Kitab/Buku-buku Pelajaran Usmas & Syarikat Mega — \$302,850.00.
125. Tawaran JHEU bagi membekalkan Pakaian Seragam Tahun 1985 untuk Daerah Brunei-Muara & Temburong — Syarikat Hajjah Jayah — \$14,848.00.
126. Tawaran RTB bagi supply of RS Component Parts for RTB — Amalgamated Electronic Bhd — \$81,209.75 (+ 20% cukai import).
127. Tawaran RTB bagi supply & installation of 5 units Henderson Folding — Sliding Doors — Tutong Transmitter Station — William Jacks & Co Borneo Ltd — \$10,842.00 CIF.
128. Tawaran RTB bagi supply 1 unit of Steenback 16mm 6 — Plates Film Editing Machine & 1 unit 16mm 2 — Plates Film Editing Machine & Accessories — Rank O'Connor's Sdn Bhd — \$66,962.00 (CIF + cukai).
129. Tawaran RTB bagi lighting supergel filters & spares for Studio Luminaries — Rank O'Connor's Sdn Bhd — \$67,240.10 CIF + cukai.
130. Tawaran RTB bagi supply of Portable Audio Recording Equipment for RTB — Audio Consultants Co Limited Hongkong — US\$24,446.26 (+ cukai).
131. Tawaran Pelajaran bagi membekal & memasang carpet — Hj Abd Hamid & Mohduler Carpet House — \$30,105.00.
132. Tawaran Pelajaran bagi membekal & menghantar jana kuasa (Generator) — 7 unit — Scientific & Technical Products Co — \$6,734.00 bagi jenis HONDA EG 1800 — 4 minggu.
133. Tawaran Pelajaran bagi membekal & memasang papan kenyataan — 357 buah — Syarikat Salleh & Hanafiah — \$21,134.40 — 40 hari.
134. Tawaran Pelajaran bagi membekal & memasang electronic Microfilm Sistem — Star Trading & Printing Sdn Bhd — \$136,885.00 — 2 hingga 4 bulan.
135. Tawaran Pelajaran bagi membekal & memasang Tirai Pentas ke SRK Daerah Tutong — Mohammad Boon Sheng Manufacturers (Pte) Ltd — \$17,994.25 — 21 bulan.
136. Tawaran Pelajaran bagi membekal Tirai Bilik TVP — Phong Ying Trading Co — \$9,675.00 — 30 hari.
137. Tawaran Pelajaran bagi membekal Tirai Pentas ke Ibu Pejabat — Mohammad Boon Sheng Manufacturers (Pte) Ltd — \$6,504.75 — 1 bulan.
138. Tawaran Pelajaran bagi memotong rumput & pemeliharaan kawasan Sk Menengah Berakas — Syarikat Gaya Abadi — \$2,300.00 sebulan.
139. Tawaran Pelajaran bagi membekal & memasang Tirai Pentas ke SRK Daerah Brunei-Muara — Mohammad Boon Sheng Manufacturers (Pte) Ltd — \$13,317.00 — 11 bulan.
140. Tawaran Pelajaran bagi membekal dan menghantar equipment for refrigeration section — Rank O'Connor's Sdn Bhd — \$1,191.00.
141. Tawaran Ukur bagi kontrak No JUA 99 — Ukuran Rupabumi Kawasan Perumahan Kg Rambau — Kawasan 1 — Truebridge Callender Beach — \$234,653.00 — 22 minggu.
142. Tawaran Peretakan bagi pembekalan sebuah Aluminium Panel Van — NBT (Brunei) Bhd — \$20,383.00 (+ cukai).
143. Tawaran Perubatan bagi membekal & memasang mesin portable circular saw — Khoo Fen Company — \$8,500.00.
144. Tawaran Muatan bagi membekal 5 unit raga Kem Kapi-pulsa ukuran buka 18.6" x panjang 27.4" tinggi 9.0" — Syarikat Hj A.M. Salleh dan Anak-Anak — \$8,000.00 2 minggu.
145. Tawaran Bandaran Belait bagi kerja-kerja mengangkat & membuang najis di kawasan Lembaga Bandaran KB/ Seria — Hj Ramli bin Jamaluddin — \$4,850.00 sebulan.
146. Tawaran JHEU bagi membaiki & mengasai kerusi murid sekolah-sekolah Ugama — Fashion Furniture & Const — \$10,800.00.
147. Tawaran Perubatan bagi membekal X-Ray Film & Processing Material untuk 1985/1986 — The East Asiatic Co — \$1,895.00.
148. Tawaran Kastam bagi menguruskan kantin Kastam KB — Pg Haji Tajuddin bin Pg Alim — \$700.00 sebulan.
149. Tawaran Pertanian bagi membekal makanan/minuman/pembersihan Pusat Latihan Pertanian Sinaut — Perusahaan Bahri Putera — \$222,552.00.
150. Tawaran Ukur bagi membekalkan Uniform — Dayang Limah & Anak-Anak — \$18,038.40.
151. Tawaran Muazim bagi Pakaian Seragam — Seri Yasra Ent — \$17,866.0.
152. Tawaran Letrik bagi rawatan & pemeliharaan logi hawa dingin di Institute Pendidikan Sultan Hassanalk Bolklah Gadong — M/s Mechaire Engineering Sdn Bhd — \$192,407.45 — 3 tahun.
153. Tawaran Telekom bagi supply & delivery of Teleprinters to Jabatan Telekom — Mitsubishi Corporation — \$1,537,980.00.
154. Tawaran Adat Istiadat bagi membekal alat-alat Kebesaran — Aumiru Gen Service — \$115,972.00 — 4 hingga 5 bulan.
155. Tawaran Telekom bagi supply, delivery & training of Telephone Subst — QAF Agencies — US\$83,500.00.
156. Tawaran Pertanian bagi membekal 2000 guluq ke atas dawai berduri — Everlee & Company — \$37.95 satu guluq — 8 minggu.
157. Tawaran JHEU bagi kerusi dewan untuk S. U. (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pg Anak Damit — Aw Tengah Hasip — \$10,080.00 — 30 hari.
158. Tawaran Brisma bagi electrical installation for proposed Civil Labour Officers & Rest Area at Penanjong Cantonment — Friendly Electrical Co — \$34,540.00.
159. Tawaran Telekom bagi Project P2112 — Mumong Peng-lina Duct Scheme — Ketua Contractor Sdn Bhd — \$432,588.00 — 5 bulan.
160. Tawaran Telekom bagi kerja-kerja pemotongan rumput & pembersihan sampah — Syarikat Irawady Bersudara — \$4,250.00 sebulan.
161. Tawaran Adat Istiadat bagi membekal Permaidani untuk Dewan Lapau — New World Sheikh Mohammad — \$134,018.14.
162. Tawaran Pelabuhan bagi 1 unit 15 ton Trak Jentera Angkat Susun — Econ Motor Sdn Bhd — \$175,225.00 — 3 hingga 6 bulan.
163. Tawaran Imigresen bagi membekalkan sebuah kenderaan — Econ Motors Sdn Bhd — \$19,800.00 (+ cukai).
164. Tawaran Telekom bagi Telephone Cable Relief Scheme Kuala Tutong — K & S Civil Structure Engineering Contractor — \$6,819.90 — 2 bulan.
165. Tawaran Letrik bagi electricity supply to Lambak Kanan Re-settlement Projek (Phase 2) Jln Madang — Syarikat Rohet — \$186,521.68 — 90 hari.
166. Tawaran Letrik bagi development of Kebangsaan S1 substation & reinforcement for Stadium Negara Substation — Aw Hj Yaakub Zainal — \$198,660.00 — 120 hari.
167. Tawaran Spec bagi proposed fish landing complex at Muara — M/s Brotherhood Construction — \$4,781,607.68 — 16 bulan.
168. Tawaran Pg Ismail Akitik bagi proposed Civil Labour Officers Rest Area, Penanjong Camp — Syarikat Perusahaan Noriswan — \$670,905.51 — 6 bulan.
169. Tawaran Perunding Ibrahim bagi woodworking equipment installation for proposed Motor Transport, Centralized Armoury & Garrison Engineer Complex (Phase II) Garrison Eng Complex — M/s Logistics Engineering & Maintenance Services Ltd — \$105,795.00.
170. Tawaran Ibrahim Leeng bagi proposed Motor Transport Centralized Armoury & Garrison Engineers Complex at Penanjong Cantonment for RBAF (Phase IB) Aircond — Marcor & Co — \$48,274.20.
171. Tawaran Akitik Bersatu bagi B 1730 Army Works Seria — proposed rebuild of Company Officers & Stores, Turker Lines, Phase 2 — Syarikat Perniagaan Hasiden — \$1,354,280.90 — 12 bulan.
172. Associated Consultants bagi Muara Town Sewerage Scheme — Phase III — CTP Construction Sdn Bhd — \$11,114,679.00 — 28 bulan.
173. Tawaran Syed Mohammad & Hooi bagi site investigation at proposed Kg Kiulap Sewerage Treatment Work Site — Geotechnique Ltd — \$54,572.00 — 6 minggu.
174. Tawaran Akitik Ibrahim bagi proposed 11KV substation & offices for Electrical Services Dept at Dewan Majlis/Lapau — Norah Construction Co — \$36,884.30.
175. Tawaran Ibrahim Leeng bagi electrical installation proposed house on Plot No 2 Government Housing at Kg Beribi — Ting Sii King Electrical Company — \$350,880.20.
176. Tawaran Damit Beca bagi proposed Cooperate Development Building Jln Gadong Electrical Services Nominated Subcontract — Mulpha (B) Sdn Berhad — \$232,653.00.
177. Tawaran Akitik Ibrahim bagi Secondary School at Jln Laminun Mukim Kudang — Ted Sdn Bhd — \$7,137,674.29 — 17 bulan.
178. Tawaran Stg bagi Plywood — Hj Adinin dan Anak-Anak (B) Sdn Bhd — \$51,400.00 CIF Muara + cukai — 2 hingga 3 bulan.
179. Tawaran Stg bagi Hydrated Lime ke Stor Negara — Bruin Trading Co — \$329,000.00 CIF Muara.
180. Tawaran Stg bagi supply of Joint, Gibouli Iron C/W Bolts & Nuts & Rubber Rings — Jewel Trading Construction and Shipping Co — \$89,190.00 — 1 bulan.
181. Tawaran Stg bagi Master Lawn Mower M184 — Zisen Enterprise — \$123,000.00 CIF Stor Negara + cukai.
182. Tawaran Stg bagi Soap Powder Detergent — Regal Air-conditioning Engineering & Electrical Co — \$50,400.00.
183. Tawaran Polis bagi membekal Kustom Console Communication Spares — Amalgamated Electronics — \$37,589.00 — 90 hari.